

KAJIAN KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN DI
KALANGAN PELATIH PUSAT GIAT MARA NEGERI
KEDAH

ZAIHANA MANSHOR

SARJANA SAINS (PENGURUSAN)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Mei 2014

**KAJIAN KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN DI KALANGAN
PELATIH PUSAT GIAT MARA NEGERI KEDAH**

Oleh

ZAIHANA MANSOR

**Desertasi Diserahkan Kepada
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business,
Universiti Utara Malaysia,
Sebagai Memenuhi Syarat Untuk Pengijazahan Sarjana Sains (Pengurusan)**

KEBENARAN UNTUK MENGGUNAKAN

Dalam membentangkan disertasi ini sebagai memenuhi keperluan untuk penganugerahan ijazah pasca siswazah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM), saya bersetuju bahawa Perpustakaan universiti ini boleh mendapatkan disertasi ini secara percuma untuk pemeriksaan. Saya juga bersetuju bahawa, kebenaran untuk membuat salinan disertasi ini dalam apa cara sekalipun sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan tujuan ilmiah, boleh diberikan oleh penyelia atau semasa ketiadaan mereka, boleh diberikan oleh Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business di mana saya menjalankan disertasi ini. Adalah difahamkan bahawa, sebarang salinan atau penerbitan atau penggunaan bahagian disertasi ini untuk kepentingan kewangan adalah tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Adalah perlu untuk memahami juga bahawa, pengiktirafan yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada saya dan pihak UUM untuk sebarang kegunaan kesarjanaan yang boleh dibuat daripada apa-apa bahan yang terdapat dalam disertasi saya.

Sebarang permintaan kebenaran untuk membuat salinan atau menggunakan bahan-bahan dalam disertasi ini secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Umumnya, bidang keusahawanan dilihat sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi. Melalui proses pembentukan aktiviti perniagaan, peluang pekerjaan serta inovasi dan penciptaan, bidang keusahawanan ini mampu untuk memenuhi keperluan ekonomi bagi sesebuah negara. Bidang keusahawanan ini turut memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi di Malaysia menerusi pelbagai aktiviti. Pada hakikatnya, kajian mengenai kecenderungan keusahawanan telah berkembang sejak sedekad yang lalu. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kecenderungan seseorang terhadap keusahawanan termasuklah faktor dalaman mahupun faktor luaran. Tujuan kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti sama ada faktor demografi, ciri-ciri keusahawanan dan kursus latihan dan kemahiran memiliki hubungan yang signifikan dengan kecenderungan keusahawanan di kalangan pelatih Giat Mara Negeri Kedah. Mereka terdiri daripada pelbagai bidang kemahiran antaranya fesyen dan jahitan, kek dan pastri, serta banyak lagi. Kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh adalah sangat penting dalam melihat kecenderungan mereka untuk menceburi bidang keusahawanan. Selain itu, faktor demografi seperti jantina, penglibatan ahli keluarga dalam perniagaan dan pengalaman bekerja turut diuji bagi melihat perbezaan yang wujud dalam memilih bidang keusahawanan. Berikutan itu, soal selidik telah dibentuk dan diedarkan kepada 320 orang pelatih Giat Mara. Sebanyak 315 borang yang dikembalikan dan hanya 306 borang yang boleh dianalisis. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program “*Statistical Package for Social Science (SPSS) Versi 20*”. Beberapa kaedah untuk menganalisis data yang diperolehi telah digunakan. Bagi menguji hipotesis pertama iaitu berkenaan perbezaan antara jantina, penglibatan ahli keluarga dalam perniagaan dan pengalaman bekerja terhadap kecenderungan keusahawanan, ujian deskriptif, analisis ujian-t dan analisis varians satu hala (One Way ANOVA) digunakan. Manakala hipotesis kedua dan ketiga yang melibatkan pemboleh ubah tidak bersandar iaitu ciri-ciri keusahawanan dan kursus kemahiran diuji menerusi ujian Korelasi. Hipotesis terakhir berkaitan pengaruh bagi setiap pemboleh ubah diuji dengan analisis regresi. Keputusan bagi ujian-t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara jantina dan penglibatan ahli keluarga dalam perniagaan dengan kecenderungan keusahawanan. Namun, tiada perbezaan yang signifikan di antara pengalaman kerja dan kecenderungan keusahawanan. Di samping itu, ujian Korelasi membuktikan wujudnya hubungan antara ciri-ciri keusahawanan pelatih dengan kecenderungan keusahawanan. Kursus kemahiran dan latihan juga menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan dengan kecenderungan keusahawanan. Selain itu, keputusan ujian Regresi menunjukkan bahawa ciri-ciri keusahawanan dan kursus latihan dan kemahiran mempengaruhi kecenderungan keusahawanan para pelatih Giat Mara.

Kata kunci: kecenderungan keusahawanan, faktor demografi, ciri-ciri keusahawanan, kursus latihan dan kemahiran

ABSTRACT

Generally, entrepreneurship is seen as a catalyst for economic development. Through the process of industrial businesses, jobs and innovation and creation, entrepreneurship is able to meet the economic needs of the country. Entrepreneurship also plays a very important role in the economic development of Malaysia through various activities. In fact, entrepreneurial inclination has been widely studied since decades ago. A lot of factors can be associated with the behavior of entrepreneurial inclination either internal or external factor. The purpose of this study is to identify whether demographic factors, entrepreneurial traits, and professional training and skills have a significant relationship with entrepreneurial inclination among trainees of Giat Mara Kedah. They are from a variety of skills including fashion and dressmaking, confectionary and bakery, and so on. The skills and knowledge gained is very important in order to see their intention to become entrepreneurs. In addition, demographic factors such as gender, family involvement in the business and working experience were also tested to see differences towards entrepreneurship inclination. Subsequently, 320 questionnaires were distributed among Giat Mara's trainees. A total of 315 questionnaires were returned back to the researcher, and only 306 forms can be analyzed. The data gathered were analyzed using the "Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 20". Several methods for analyzing the data were used. In order to test the first hypothesis, that the difference between the gender, family involvement in the business and working experience towards entrepreneurship inclination, t-test and One Way ANOVA were used. The second and third hypotheses involving the independent variables namely entrepreneurial characteristics and skills course tested through Pearson correlation analysis. The results of t-test showed that there is a difference between gender and the involvement of family members in engagement with entrepreneurship inclination. However, there is no significant difference between work experience and entrepreneurship inclination. In addition, Pearson correlation analysis proves the existence of the relationship between the characteristics of entrepreneurial with entrepreneurial inclination. Course of skills and training also shows a positive and significant relationship with entrepreneurial intention. Besides, the result of regression analysis indicated that characteristics of entrepreneurial and course of skills and training influence entrepreneurial inclination among Giat Mara's trainees.

Keyword: entrepreneurial intention, demographic factors, entrepreneurial traits, course of skills and training

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani. Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah s.w.t di atas segala rahmat, hidayah, inayah dan keizinan-Nya kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan terutamanya kepada Prof. Madya Hoe Chee Hee selaku penyelia yang telah banyak membantu dan membimbing saya. Idea-idea, kata-kata nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan amat saya hargai.

Ucapan penghargaan yang tidak terhingga juga buat ibunda tercinta, Hajah Sharifah Abdul yang sentiasa memberi inspirasi kepada saya. Beliauah insan teristimewa yang sentiasa berkorban, meniup semangat, memberi sokongan, kasih sayang dan doa yang tiada penghujungnya.

Ribuan terima kasih kepada pihak Giat Mara Negeri Kedah terutamanya Tuan Mohammad Sadzilan di atas kerjasama dan bantuan yang dihulurkan.

Terima kasih juga kepada teman-teman seperjuangan yang sentiasa berkongsi ilmu dan tidak pernah jemu menghulurkan bantuan. Kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses menyiapkan penyelidikan ini, semoga Allah membalas jasa anda semua.

Kalianlah anugerah terindah dalam hidup saya.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Kebenaran Untuk Menggunakan	ii
Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Jadual-jadual	ix
Senarai Rajah-rajah	x
Senarai Singkatan Perkataan	xi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Latar Belakang Institut Giat Mara	5
1.3	Penyataan Masalah	7
1.4	Persoalan Kajian	8
1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Skop Kajian	10
1.7	Signifikan Kajian	10
1.8	Limitasi Kajian	11
1.9	Definisi Istilah	12
1.10	Pengorganisasian Bab Seterusnya	14

BAB 2 ULASAN KARYA

2.0	Pengenalan	15
2.1	Usahawan	15
2.2	Keusahawanan	17
2.3	Profil Demografi	21
	2.3.1 Jantina	21

2.3.2	Penglibatan Ahli Keluarga Dalam Perniagaan	22
2.3.3	Latar Belakang Dan Pengalaman Bekerja	23
2.4	Ciri-ciri Keusahawanan	24
2.5	Kursus Latihan Dan Kemahiran	30
2.6	Kecenderungan Keusahawanan	31
2.7	Teori Asas Kecenderungan dalam Bidang Keusahawanan	33
2.8	Model Kerangka Teori Kajian	38
2.9	Hipotesis Kajian	39

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	40
3.1	Reka Bentuk Kajian	40
3.2	Populasi dan Reka Bentuk Sampel	41
	3.2.1 Prosedur Persampelan	42
	3.2.2 Saiz Sampel	43
3.3	Prosedur Pengumpulan Data	43
	3.3.1 Data Primer	43
	3.3.2 Data Sekunder	44
3.4	Instrumen Kajian	44
3.5	Ujian Analisis	46
3.6	Pengujian Awalan Dan Pengesahan Instrumen	48
	3.6.1 Ujian Kebolehpercayaan	50
3.7	Rumusan	51

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	52
4.1	Kadar Respon	52
4.2	Ciri-ciri Demografi	53
	4.2.1 Profil Responden	53
	4.2.2 Latar Belakang Keluarga	55
4.3	Analisis Deskriptif	57
4.4	Faktor Demografi dan Kecenderungan Keusahawanan	58

4.4.1	Hipotesis 1	58
4.4.1.1	Analisis Ujian-T	58
4.4.1.2	Analisis Varians Satu Hala (One-Way ANOVA)	61
4.5	Analisis Korelasi Pearson	62
4.6	Hipotesis 2	64
4.7	Hipotesis 3	65
4.8	Analisis Regresi	66
4.9	Hipotesis 4	66

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	68
5.1	Perbincangan	68
5.1.1	Perbincangan Objektif Pertama	70
5.1.2	Perbincangan Objektif Kedua	71
5.1.3	Perbincangan Objektif Ketiga	71
5.1.4	Perbincangan Objektif Keempat	72
5.2	Cadangan Kepada Organisasi	73
5.2.1	Mewujudkan Kursus Keusahawanan	73
5.2.2	Memperkenalkan Usahawana Berjaya Sebagai Pendorong	74
5.2.3	Pemantauan yang Berterusan	74
5.3	Cadangan Kajian Akan Datang	75
5.4	Kesimpulan	76
	RUJUKAN	77
	LAMPIRAN	92
	Lampiran A Soal Selidik	93
	Lampiran B <i>Five factor model of personality</i>	99
	Lampiran C Keputusan Analisis Data	100

SENARAI JADUAL-JADUAL

JADUAL	MUKA SURAT
Jadual 3.1: Sampel Pelatih Giat Mara	42
Jadual 3.2: Tafsiran Pekali Kolerasi oleh McBurney (2001)	48
Jadual 3.3: Keputusan Kebolehpercayaan Soalan Kaji Selidik Dalam Pengujian Awal	49
Jadual 3.4: Tafsiran Nilai Alpha Cronbach oleh Sekaran (2003)	51
Jadual 4.1: Ciri-ciri Demografi	53
Jadual 4.2: Latar Belakang Keluarga	56
Jadual 4.3: Statistik Deskriptif bagi Semua Pemboleh Ubah	57
Jadual 4.4: Ujian-t Sampel Bebas untuk Perbezaan antara Jantina dan Kecenderungan Keusahawanan	59
Jadual 4.5: Ujian-T Sampel Bebas Untuk Perbezaan Antara Penglibatan Ahli Keluarga Dan Kecenderungan Keusahawanan	60
Jadual 4.6: Ujian Analisis Varians Satu Hala (<i>One-Way</i> ANOVA) Antara Pengalaman Kerja Dan Kecenderungan Keusahawanan	62
Jadual 4.7: Keputusan Korelasi Pearson	63
Jadual 4.8: Hubungan Antara Ciri-Ciri Keusahawanan Dan Kecenderungan Keusahawanan	64
Jadual 4.9: Hubungan Antara Kursus Latihan Dan Kemahiran Dan Kecenderungan Keusahawanan	65
Jadual 4.10: Analisis Regresi di antara ciri-ciri keusahawanan dan kursus latihan dan kemahiran dengan Kecenderungan Keusahawanan	67

SENARAI RAJAH-RAJAH

RAJAH	MUKA SURAT
Rajah 2.1: Model Teori “ <i>Entrepreneurial Event</i> ” Oleh Shapero (1982)	37
Rajah 2.2: Model Kerangka Teori Kajian Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pelatih Pusat Giat Mara Negeri Kedah	38

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

ANOVA	<i>Analysis of Variances Test</i>
H	Hipotesis
H1	Hipotesis Alternate
H0	Null Hipotesis
N	Simbol Populasi
P	Simbol Signifikan
R	Simbol Korelasi
S	Simbol Sampel
SIG.	Signifikan
SPSS	Statistical Package for Social Science
UUM	Universiti Utara Malaysia
WWW	World Wide Web

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar belakang kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang kian maju dalam pelbagai aspek. Kepesatan kemajuan ini adalah seiring dengan matlamat utama iaitu mencapai Wawasan 2020. Dalam usaha ini, kerajaan Malaysia amat menitikberatkan ilmu pengetahuan bagi seluruh rakyatnya. Pendidikan dijadikan elemen penting sebagai persediaan untuk mencapai status negara maju. Pendidikan juga menjadi tunjang utama dalam membentuk masyarakat yang lebih bertamadun dan sofistikated. Sehubungan itu, pihak kerajaan telah membina pelbagai institusi pendidikan dan kemahiran di negara ini. Menyentuh tentang institusi berbentuk kemahiran misalnya, ia sangat menyumbang kepada pembangunan negara dengan melahirkan individu yang memiliki kepakaran dan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Institusi-institusi kemahiran yang berstatus awam atau swasta ini merupakan medium untuk golongan muda menimba ilmu pengetahuan, kemahiran dan latihan amali sebagai bekalan tatkala menjejaki alam pekerjaan kelak.

Memandangkan cabaran ketika menjejaki alam pekerjaan jauh lebih sukar berbanding cabaran sewaktu pengajian, para pelajar ini harus bijak merebut pelbagai ilmu dan pengalaman yang ada. Kesukaran untuk mendapatkan peluang pekerjaan setelah

tamat pengajian merupakan satu bebanan kepada lepasan sekolah dan institusi pengajian. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan, sehingga Mei 2012 seramai 76,200 siswazah yang menganggur kerana gagal memperoleh pekerjaan yang sesuai (Utusan Online, 2012). Manakala Menteri Sumber Manusia, Datuk Richard Riot telah memaklumkan bahawa sehingga Ogos 2013, jumlah pencari kerja aktif yang mendaftar di Jabatan Tenaga Kerja adalah seramai 422,248 graduan iaitu sejumlah 233,065 adalah siswazah dan 189,183 bukan siswazah (Mstar Online, 2013). Lantaran itu, bidang keusahawanan dilihat sebagai kerjaya yang sangat berpotensi sejajar dengan galakan kerajaan yang sentiasa menyeru masyarakat agar tidak terlalu bergantung kepada peluang pekerjaan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan pihak swasta sahaja. Shamsul Hana (2012) berpendapat bahawa keusahawanan mampu untuk membantu dalam menghadapi masalah-masalah pengangguran ini.

Dalam usaha untuk mengatasi masalah pengangguran ini, pihak kerajaan sentiasa menggalakkan para graduan dan pelajar lepasan sekolah agar memulakan perniagaan sendiri tanpa perlu menunggu tawaran pekerjaan datang kepada mereka. Berbekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari, adalah tidak mustahil untuk para pelajar ini berdikari dan memiliki pendedahan asas untuk meneroka setiap peluang dalam bidang keusahawanan. Para siswazah perlu berfikir untuk mencipta pekerjaan berbanding mencari pekerjaan (Daim, 1994; Kemat, 2011). Ironinya, mereka bukan hanya belajar untuk mendapatkan segulung sijil sahaja, namun mereka harus bijak mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang dipelajari untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan di samping berjinak-jinak dengan perniagaan sendiri.

Dalam pada itu, pihak kerajaan juga sentiasa merencana pelbagai inisiatif dari semasa ke semasa agar galakan yang diberikan akan terlaksana. Pelbagai sokongan dan bantuan dalam bentuk kewangan disalurkan bagi menjayakan agenda keusahawanan sebagai modal pemula dan bantuan sampingan untuk menggerakkan usaha ini. Demi merealisasikan harapan tersebut, pihak kerajaan misalnya, telah memperuntukan dana sejumlah RM500 000 sehingga RM750 000 untuk Tabung Usahawan Siswazah (TUS) yang bertujuan membantu siswazah mendapatkan pinjaman untuk memulakan perniagaan baru (Berita Harian, 29 Mac 2013). Selain itu, Kementerian Belia dan Sukan turut menyediakan tabung amanah iaitu Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) di bawah seliaan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia. Melalui tabung ini, golongan belia boleh memohon pinjaman untuk tujuan perniagaan (Ismail, 2009).

Berdasarkan pembentangan Bajet 2014 yang lalu, pihak kerajaan khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi Tabung Keusahawanan Graduan dan dana permulaan sebanyak RM30 juta melalui penubuhan Skim Usahawan Permulaan Bumiputera atau SUPERB di samping pelbagai dana lain yang disalurkan melalui SME Bank, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan lain-lain (BERNAMA, 26 Oktober 2013).

Selain pihak kerajaan, badan-badan bukan kerajaan turut menyediakan dana bagi melahirkan usahawan-usahawan yang berjaya dan produktif. Misalnya, anak syarikat MARA iaitu MARA Inc memperuntukan dana sejumlah RM100 juta untuk bakal

usahawan bumiputera (Utusan Malaysia, 22 Januari 2008). Dalam pada itu, program usahasama seperti Program Inkubator Usahawan Siswazah (PIUS) adalah merupakan satu usaha terpuji oleh institusi pendidikan dalam menarik minat pelajar menjadi usahawan. Program usahasama yang melibatkan 17 buah universiti tempatan dan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (SME Bank) ini adalah di bawah pemantauan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Utusan Malaysia, 26 April 2005).

Selain bantuan berbentuk kewangan, pihak kerajaan turut menyediakan pelbagai kursus latihan dan kemahiran, bengkel dan seminar keusahawanan sebagai persiapan kepada bakal usahawan dalam menceburi bidang keusahawanan. Melalui pembentangan Bajet 2014 lepas, Presiden Majlis Perunding Ekonomi Melayu Malaysia (MAPEM), Tan Sri Rozali Ismail berpendapat bahawa 1Malaysia Entrepreneurs (1Met) iaitu sebuah program keusahawanan yang baru diperkenalkan oleh kerajaan adalah satu langkah bijak dalam menangani masalah pengangguran dalam kalangan siswazah kini (Bernama, 26 Oktober 2013). 1MeT merupakan Program Keusahawanan 1Malaysia iaitu satu siri latihan untuk meningkatkan kecekapan usahawan tempatan melalui konsep asas keusahawanan dan mewujudkan projek yang dapat menjana kekayaan pelatih dan negara (Berita Harian, 11 Oktober 2013). Realitinya, seseorang individu mungkin memiliki kepakaran atau kemahiran dalam bidang-bidang tertentu, namun tidak memiliki pengetahuan yang mendalam berkaitan bidang keusahawanan atau sebaliknya. Justeru, program-program sebeginilah merupakan medium terbaik kepada mereka dalam menceburi dunia keusahawanan.

Melalui pelbagai program dan insentif yang disediakan oleh pelbagai pihak ini, diharapkan bidang keusahawanan menjadi pilihan kerjaya yang sangat berpotensi. Galakan dan dorongan yang berterusan dari pihak kerajaan seharusnya disambut baik agar bidang keusahawanan ini menjadi suatu fenomena positif kepada masyarakat dalam misi menuju Wawasan 2020 disamping dapat menangani isu pengangguran.

1.2 Latar belakang Institut Giat Mara

Umumnya, Giat Mara dikenali sebagai GIATMARA Sendirian Berhad kerana ia ditubuhkan di bawah akta syarikat. Institusi latihan peringkat akar umbi ini telah diletakkan di bawah pentadbiran dan seliaan MARA iaitu agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Sejarah awal penubuhan Giat Mara adalah pada tanggal Januari 1986 di mana pusat Giat Mara pertama yang ditubuhkan dan beroperasi adalah Giat Mara Jitra, Kedah. Dengan penyertaan pelatih sejumlah 60 orang pada ketika itu, hanya beberapa bidang kursus yang diwujudkan iaitu Menerap Bata dan Kayu Tanggam, Elektrik Domestik dan Bengkuk Besi. Kini, Giat Mara tersebut telah ditukar nama sebagai Giat Mara Prima Kubang Pasu.

Dalam tempoh beberapa dekad ini, pelbagai perubahan telah dilakukan. Giat Mara kini berkembang pesat dan semakin maju dari segi program yang ditawarkan dan bilangan pelatih berikutan sambutan yang menggalakkan dan permintaan yang tinggi oleh para pemohon terhadap program di Giat Mara. Terdapat 39 kursus yang diletakkan di

bawah 12 jenis kluster. Antara kursus-kursus tersebut adalah Seni Bina, Mekanikal, Pengangkutan, Percetakan, Komputer dan IT, Pembuatan, Elektrikal, Elektronik atau Mekatronik, Fabrik, Solekan dan Dandanan Rambut, Kulinari dan Hospitaliti. Secara asasnya, pertambahan dari segi bilangan pusat Giat Mara diramal bakal berlaku pada penghujung RMK 10. Lantaran itu, jumlah keseluruhannya dijangkan mencecah 231 buah pusat di Malaysia. Pada dasarnya, Giat Mara merupakan pusat yang menyediakan latihan dan kemahiran yang berbentuk teknikal dan vokasional. Secara amnya, program yang terdapat di Giat Mara mensasarkan golongan belia dan komuniti setempat. Berbekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari, ia dapat dijadikan persediaan sebagai usahawan mahupun tenaga kerja mahir bagi mengisi keperluan industri serta bidang ekonomi dalam negara ini. Dengan moto “kemahiran menjamin kehidupan”, Giat Mara menerapkan program pembelajaran yang berkonsepkan latihan sepanjang hayat kepada para pelatihnya. Menyentuh berkaitan bajet pengurusan operasi Giat Mara, kerajaan Malaysia merupakan pembiaya utama melalui peruntukan dana yang disediakan.

Objektif utama Giat Mara adalah untuk melahirkan tenaga mahir, mewujudkan usahawan dan membasmi kemiskinan. Oleh yang demikian, institusi ini mensasarkan antaranya golongan yang berminat menceburi bidang keusahawanan yang berasaskan kemahiran, golongan yang belum pernah mendapat latihan kemahiran bagi tujuan mendapat kerja dan berusaha sendiri dan sebagainya. Dengan latihan yang diberi secara percuma dan elaun bulanan sebanyak RM200 sebagai bantuan dan galakan kepada pelatih, pihak Giat Mara meletakkan matlamat agar berjaya melahirkan lebih ramai bakal

usahawan dan tenaga kerja mahir yang berkualiti dan berinovatif seiring dengan saranan dan galakan kerajaan.

1.3 Penyataan Masalah

Keusahawanan merupakan suatu bidang yang sangat penting dalam menjana pembangunan dan ekonomi sesebuah negara. Hal ini demikian kerana keusahawanan merupakan suatu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan sesebuah negara dan masyarakat yang mempunyai paling ramai usahawan dianggap masyarakat yang paling baik (Norita, 2007). Situasi ini dapat dilihat dalam sesebuah negara maju seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, German dan Finland yang menjadikan keusahawanan sebagai strategi utama bagi pembangunan ekonomi masing-masing.

Dewasa ini, bidang keusahawanan dilihat telah berkembang pesat dan merupakan bidang yang telah diberikan tumpuan dan perhatian yang lebih oleh pihak kerajaan sejajar dengan matlamat untuk mencapai status negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Cabaran kesembilan Wawasan 2020 menerangkan dengan jelas peranan usahawan untuk membangunkan ekonomi yang berdaya saing, dinamik, teguh dan berdaya tahan pada tahun 2020 akan datang (Ahmad Sarji, 1995). Oleh itu, selaras dengan galakan dan kempen serta aktiviti-aktiviti yang menggalakkan pertumbuhan program keusahawanan ini, pelbagai institusi berbentuk kemahiran dan latihan turut diwujudkan seperti Giat Mara umpamanya. Kemahiran dan latihan yang disediakan menerusi kurikulum yang

terdapat di institusi ini seharusnya dijadikan sebagai wadah untuk menceburi bidang keusahawanan. Menurut Timmons (1989) dan Baharu (1994), kecekapan seseorang usahawan boleh dipengaruhi oleh pendidikan dan latihan. Dalam konteks ini, para pelatih Giat Mara sememangnya telah diajar dan didedahkan dengan latihan serta kemahiran yang boleh dijadikan faktor untuk menjadi seorang usahawan seterusnya memiliki perniagaan sendiri.

Oleh itu, pengkaji akan melakukan kajian untuk mengenal pasti tahap kecenderungan pelatih-pelatih Giat Mara terhadap bidang keusahawanan dengan mengkaji profil demografi para pelatih, ciri-ciri keusahawanan yang dimiliki dan latihan serta kemahiran yang dipelajari oleh mereka.

1.4 Persoalan Kajian

- 1.4.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara profil demografi (jantina, penglibatan ahli keluarga dalam bidang perniagaan dan pengalaman bekerja) dan kecenderungan pelatih Giat Mara Negeri Kedah?
- 1.4.2 Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara ciri-ciri keusahawanan dan kecenderungan pelatih Giat Mara Negeri Kedah terhadap bidang keusahawanan?

1.4.3 Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kursus latihan dan kemahiran dan kecenderungan pelatih Giat Mara Negeri Kedah terhadap bidang keusahawanan?

1.4.4 Adakah ciri-ciri keusahawanan dan kursus latihan dan kemahiran mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah?

1.5 Objektif kajian

1.5.1 Objektif umum

Kajian ini adalah bertujuan meninjau sama ada terdapatnya kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

1.5.2 Objektif khusus

- ✓ Mengkaji adakah terdapat perbezaan di antara profil demografi dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.
- a) Mengkaji adakah terdapat perbezaan antara jantina dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.
- b) Mengkaji adakah terdapat perbezaan antara penglibatan ahli keluarga dengan bidang perniagaan dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

- c) Mengkaji adakah terdapat perbezaan antara pengalaman kerja dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

- ✓ Mengenal pasti adakah terdapat perhubungan yang signifikan di antara ciri-ciri keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan pelatih-pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

- ✓ Mengenal pasti adakah terdapat perhubungan yang signifikan di antara kursus latihan dan kemahiran dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

- ✓ Mengkaji sama ada ciri-ciri keusahawanan dan kursus latihan dan kemahiran mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini melibatkan pelatih-pelatih Giat Mara di Negeri Kedah yang sedang mengikuti beberapa bidang kemahiran. Kajian ini bertujuan menguji tahap kecenderungan keusahawanan para pelatih berdasarkan kepada beberapa elemen iaitu faktor demografi, ciri-ciri keusahawanan dan kursus kemahiran.

1.7 Signifikan Kajian

Secara umumnya, kajian ini dapat menyumbang kepada ilmu pengetahuan berkaitan bidang keusahawanan. Melalui kajian ini, pihak kerajaan boleh menggunakan dapatan kajian sebagai maklumat dalam merangka pelbagai program dan kaedah untuk merangsang para pelajar menceburkan diri dalam bidang keusahawanan setelah tamat pengajian kelak. Hal ini demikian kerana golongan inilah merupakan pelapis usahawan muda yang berjaya pada masa hadapan. Di samping itu, agensi-agensi bukan kerajaan juga mendapat manfaat melalui hasil kajian ini. Mereka boleh menjalankan pelbagai usaha umpamanya penyediaan kemudahan dan peruntukan kewangan yang lebih efektif dan sistematik berpandukan maklumat-maklumat daripada kajian ini. Dalam pada itu, golongan pendidik dan pihak pentadbiran institusi pengajian dan kemahiran juga dapat memanfaatkan hasil kajian dengan memperkemaskan penawaran kursus dan kurikulum pembelajaran yang sedia ada agar budaya keusahawanan itu dapat diterapkan dengan sebaiknya.

1.8 Limitasi Kajian

Sepanjang menyiapkan kajian ini, penyelidik mendapati terdapat beberapa kekangan dan halangan yang dihadapi. Halangan pertama adalah kekangan masa. Hal ini demikian kerana tempoh yang dimiliki untuk menyiapkan kajian ini sepenuhnya adalah empat bulan sahaja. Selain itu, penyelidik turut menghadapi masalah berkaitan pengumpulan

data. Didapati beberapa borang soal selidik yang telah diedar dan dikembalikan semula tidak dapat digunakan memandangkan terdapat borang soal selidik yang tidak diisi dengan lengkap oleh responden. Ada sesetengah borang yang hanya diisi pada bahagian tertentu dan dibiarkan kosong pada lain-lain bahagian. Di samping itu, kesulitan untuk mendapat kerjasama responden dari segi ketepatan data turut dihadapi. Terdapat segelintir responden yang tidak bertanggungjawab dalam menjawab soal selidik. Kadangkala mereka tidak jujur dalam menjawab soalan dan menandakan jawapan tanpa membaca soalan terlebih dahulu.

1.9 Definisi istilah

i. Usahawan

Pada abad ke-17, usahawan dikenali sebagai seseorang yang berusaha melakukan sesuatu perkara (Fayolle, 2007). *Le Petit Robert* pula mendefinisikan usahawan dari perspektif ekonomi dengan menyatakan bahawa usahawan merupakan seseorang yang menguruskan sesebuah perusahaan milik sendiri dan mengerjakan pelbagai faktor seperti modal, tenaga buruh dan tanah untuk mendapatkan hasil melalui jualan barangan atau pekhidmatan (Fayolle, 2007). Dalam pada itu, Richard Cantillon (1755/1959) pula menjelaskan bahawa usahawan berhubung kait dengan ciri mengambil risiko. Pada awal abad ke-19 pula Jean Baptise Say berpendapat bahawa usahawan berkait rapat dengan inovasi.

ii. Keusahawanan

Menurut Shook et al., (2003) keusahawanan adalah berkisar tentang hubungan di antara individu dan persekitaran di sekeliling mereka, di samping mencari, menilai dan meneroka peluang-peluang. Cromie (2000) pula menyatakan bahawa keusahawanan adalah memulakan dan membina sesebuah perusahaan berbanding hanya melihat perusahaan tersebut. Di samping itu, Harry (2005) berpendapat bahawa keusahawanan memiliki persamaan dengan individu dan organisasi lain.

iii. Ciri-ciri demografi

Ciri-ciri ini merupakan penentuan sosial dan ciri-ciri latar belakang misalnya jantina, etnik, tahap sosio ekonomi. Ciri-ciri yang dicapai adalah merupakan hubungan yang berkait dengan sosial dan perkembangan intelektual misalnya pendidikan. Kajian-kajian yang lepas telah menunjukkan kepentingan pelbagai pemboleh ubah demografi antaranya umur, jantina, pengalaman bekerja, status perkahwinan dan lain-lain.

iv. Ciri-ciri keusahawanan

Terdapat beberapa ciri usahawan yang sering dibincangkan dalam kajian-kajian keusahawanan yang lalu. Antaranya keyakinan diri, kawalan diri, realistik, dan kestabilan

ekonomi. Paul (2009) menyatakan bahawa ciri-ciri keusahawanan telah disenaraikan oleh ramai penyelidik. Antaranya ialah keyakinan diri dan kepelbagaian kemahiran, yakin, berinovatif dan pengambil risiko. Namun begitu, ciri-ciri bagi seorang usahawan berjaya yang sering dibincangkan adalah keperluan terhadap pencapaian, lokus kawalan, berkeyakinan diri dan kebolehan mengambil risiko, toleransi, inovatif dan kekuatan diri (*self efficacy*).

v. Kursus Kemahiran

Menurut Kamus Dewan (1996), kemahiran bererti kepandaian dan kecekapan seseorang individu dalam bidang-bidang tertentu. Dalam kajian ini, kemahiran merujuk kepada pengetahuan dan ilmu baru berkaitan bidang-bidang yang dipelajari oleh pelatih di Giat Mara. Pelbagai kursus kemahiran yang disediakan mengikut program-program tertentu misalnya fesyen dan jahitan, kek dan pastri, teknologi motosikal, salon dan kecantikan dan banyak lagi.

1.10 Pengorganisasian Bab Seterusnya

Bab satu membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, signifikan kajian dan limitasi kajian dan penyusunan bab seterusnya. Bab dua pula akan membincangkan berkaitan sorotan kajian,

model kajian atau rangka kerja serta hipotesis. Manakala bab tiga menyentuh berkaitan kaedah yang digunakan dalam kajian dan bab empat adalah mengenai dapatan. Bab akhir sekali iaitu bab lima berkaitan kesimpulan dan cadangan.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.0 Pengenalan

Bab ini memperihalkan tentang ulasan karya berkaitan hasil kajian-kajian yang pernah dijalankan. Ia meliputi definisi konsep penting iaitu usahawan dan keusahawanan, faktor demografi, ciri-ciri usahawan, latihan dan kemahiran, kecenderungan keusahawanan, kajian-kajian lain mengenai kecenderungan keusahawanan. Di akhir bab ini, kerangka teori bagi kajian ini dan juga hipotesis diketengahkan.

2.1 Usahawan

Secara umumnya, terdapat pelbagai definisi usahawan yang dikemukakan sejak ia diperkenalkan pada awal 1700. Namun demikian, di Malaysia perkataan usahawan hanya mula diketahui ramai ketika penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu sekitar tahun 1970. Pada dasarnya, perkataan usahawan atau dalam Bahasa Inggerisnya adalah *entrepreneur* telah diambil daripada Bahasa Perancis iaitu *entrepreneur*. *Entrepreneur* bererti *between taker* atau *go-between* yang bermaksud seseorang yang sanggup memikul atau mencuba sesuatu (Hapzarizal, 2012). Berdasarkan Kamus Dewan (2005) pula, usahawan berasal daripada perkataan usaha yang bermaksud

daya usaha, ikhtiar, kegiatan atau pekerjaan untuk melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu pekerjaan. Richard Cantillon (1755/1959) iaitu pengasas kepada disiplin keusahawanan telah mentakrifkan usahawan sebagai seseorang yang sanggup memikul tugas atau mencuba sesuatu. Melalui *Wealth of Nations*, Adam Smith (1776) meluaskan pengertian usahawan dengan berpendapat bahawa usahawan merupakan individu yang membentuk organisasi untuk tujuan komersial. Golongan ini sangat optimis dan mampu mengenal pasti potensi permintaan terhadap produk dan pekhidmatan (Norita, 2007).

Merujuk kepada kajian-kajian keusahawanan terdahulu, berbagai-bagai definisi usahawan yang telah diutarakan oleh para pengkaji lepas bergantung kepada perspektif mana definisi itu dilihat. Carland (1992) berpendapat bahawa usahawan adalah seseorang individu yang menubuhkan sesuatu perniagaan serta mengurusnya dengan tujuan utama adalah keuntungan dan pertumbuhan jangka panjang. Beliau menambah hujah dengan mengatakan bahawa usahawan merasakan sesuatu perniagaan itu mempunyai kehidupan yang tersendiri dan ia merupakan alat yang digunakan dalam usaha mencapai matlamat. Dalam pada itu, usahawan juga diterangkan sebagai individu yang menubuhkan organisasi sendiri dan menghasilkan sebuah perniagaan baru (Gartner et al., 1994). Manakala Bygrave (1989) telah mendefinisikan usahawan merupakan seseorang yang menunjukkan inisiatif, imaginasi, kreativiti dan fleksibiliti. Mereka berfikiran secara konseptual dan melihat perubahan sebagai suatu peluang. Fayolle (2007) pula berpendapat bahawa usahawan memiliki peranan tertentu yang penting dalam pertumbuhan sistem ekonomi liberal. Mereka juga mewujudkan syarikat dan mencipta pekerjaan di samping mengambil bahagian dalam pembaharuan fabrik ekonomi. Di

samping itu, Siti Hawa (2009) mentakrifkan usahawan merupakan individu yang sentiasa peka terhadap peluang, menukarkan peluang tersebut untuk tujuan keuntungan di samping sanggup menanggung risiko dan ketidakpastian. Shamsul Hana (2012) menerangkan bahawa ketidakberanian dalam mengambil risiko akan menjadi penghalang untuk berada dalam bidang keusahawanan ini. Halangan tersebut mungkin datang dari berbagai-bagai segi, sama ada dari aspek kewangan, keyakinan diri, kurangnya pendedahan atau sebagainya.

Kesimpulannya, usahawan boleh ditakrifkan sebagai individu yang cuba menonjolkan peluang baru atau merebut peluang yang sedia ada, cuba memanipulasikan peluang tersebut secara positif dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan dan kepuasan diri sendiri dan sanggup menghadapi risiko-risiko tidak kira sama ada yang dapat dilihat pada masa tersebut atau pada masa-masa hadapan.

2.2 Keusahawanan

Menurut Norita (2007) terdapat banyak definisi keusahawanan berdasarkan kepada penulis-penulis yang berbeza. Knight (1921) mentakrifkan keusahawanan sebagai penghasilan keuntungan kesan dari sanggup menerima risiko dan ketidakpastian. Bagi Schumpeter (1934), keusahawanan bermaksud menjalankan kombinasi baru organisasi firma seperti produk atau pekhidmatan baru, sumber-sumber bahan mentah baru, kaedah pengeluaran yang baru dan bentuk organisasi baru. Cole (1959) pula berpendapat bahawa

keusahawanan merupakan aktiviti bertujuan bagi memulakan dan membangunkan perniagaan yang berorientasikan keuntungan. Dalam pada itu, Albert Shapero (1975) pula menyatakan bahawa keusahawanan dikira sebagai satu perjanjian yang mengambil kira gelagat-gelagat seperti berinisiatif, mengorganisasikan mekanisma ekonomi sosial bagi menukarkan sumber dan situasi kepada tindakan praktikal, dan penerimaan risiko kegagalan. Gartner (1985) menganggap keusahawanan sebagai satu proses penghasilan organisasi baru.

Menurut Bruyat dan Julien (2001), keusahawanan adalah suatu konsep yang dijelaskan dalam pelbagai versi. Bird dan Jelinek (1988) menyatakan keusahawanan adalah merujuk kepada penghasilan niat atau transformasi sesebuah organisasi untuk tujuan menghasilkan atau menambah nilai melalui sumber organisasi. Di samping itu, Belly (1993) mengertikan keusahawanan adalah proses yang melibatkan aktiviti-aktiviti keusahawanan, iaitu aktiviti perniagaan yang melibatkan risiko di samping mendatangkan keuntungan di mana boleh memberi impak besar terhadap organisasi atau bahagian tertentu. Dolinger (1999) pula menganggap keusahawanan sebagai usaha membangunkan inovasi ekonomi syarikat untuk tujuan menambah keuntungan di samping bersedia untuk menduga risiko dan ketidakpastian. Manakala Matlay (2005), melihat keusahawanan adalah penting dalam revolusi industri dan mengaitkan sosio-ekonomi dan transformasi politik dalam sesebuah negara. Fayolle (2007) menegaskan bahawa keusahawanan mewakili sebuah enjin pembangunan ekonomi melalui penghasilan dan pembangunan aktiviti-aktiviti perniagaan baharu, penciptaan pekerjaan di samping memperkenalkan inovasi-inovasi penting yang memberi kesan besar ke atas pembangunan ekonomi.

Dalam pada itu, Hisrich et al. (2008) mentafsirkan keusahawanan merupakan proses menghasilkan sesuatu yang baru dari segi nilai dengan memperuntukan masa dan usaha yang diperlukan, menanggung risiko kewangan, risiko psikologikal dan risiko sosial dan mendapat ganjaran dari usaha tersebut dalam bentuk kewangan, kepuasan diri serta kebebasan.

Kizner (1973) mendefinisikan keusahawanan sebagai kepekaan terhadap peluang keuntungan. Beliau melihat seseorang usahawan yang berjaya sebagai individu yang mencari peluang dengan membeli sesuatu pada harga yang rendah dan menjualnya pada harga yang tinggi. Dalam pada itu, fungsi keusahawanan adalah untuk menyedarkan apa yang orang terlepas pandang. Timmons (1989) juga menerangkan usahawan sebagai alat untuk merasai peluang di mana individu lain melihat ia sebagai keadaan yang huru-hara, percanggahan dan kekeliruan, namun tidak bagi seorang usahawan. Dalam erti kata lain, beliau menganggap usahawan sebagai orang yang mempunyai kelebihan terhadap perkara-perkara yang membolehkan mereka untuk melihat corak dalam pelbagai gangguan.

Nolan (2003) berpandangan bahawa keusahawanan merupakan alternatif yang dapat mengatasi masalah ketidakadilan dalam pengagihan di samping turut menyelesaikan masalah berkaitan pekerja tempatan. Dalam pada itu, Basu dan Virick (2003) berpendapat bahawa kerjaya dalam bidang keusahawanan ini juga turut menyediakan peluang untuk memiliki sumber kewangan sendiri selain menyumbang

banyak manfaat kepada ekonomi, antaranya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, membantu pertumbuhan ekonomi dan juga inovasi. Menurut Wickham (2004) pula, keusahawanan dianggap sebagai pendekatan tertentu yang digunakan untuk mencapai kejayaan. Beliau turut menyatakan bahawa keusahawanan merujuk kepada apa yang telah dilakukan oleh seseorang usahawan itu.

Mengulas lanjut berkaitan aktiviti-aktiviti keusahawanan, Drennan, Kennedy dan Renfrow (2005) berpandangan bahawa terlalu banyak program yang telah dilaksanakan bertujuan mengubah sikap golongan belia terhadap keusahawanan. Gibb (2002) pula mentafsirkan keusahawanan merupakan cara untuk berfikir dan membuat pertimbangan sebelum melakukan sesuatu tindakan yang menjurus kepada penghasilan, pengukuhan, kesedaran dan pembaharuan nilai ke atas individu, kumpulan, organisasi dan juga masyarakat. Menyentuh berkaitan penglibatan individu dalam bidang keusahawanan, kecenderungan seseorang individu untuk terlibat dalam bidang keusahawanan kebiasaannya berkait rapat dengan naluri, cita-cita dan perasaan untuk bebas atau berdikari (Zahariah, Amelina dan Erlane, 2010). Hal ini demikian kerana tidak semua individu merasa selesa menjadi pekerja kepada individu lain dan memiliki pendapatan yang tetap. Dalam pada itu, ajaran Islam turut menyarankan umatnya supaya melibatkan diri dengan aktiviti perniagaan. Hal ini disokong oleh sebuah hadith oleh Imam al-Ghazali iaitu “digalakkan ke atas kamu berniaga, kerana di dalamnya sembilah persepuluh adalah sumber rezeki”.

Oleh itu, sememangnya tidak dapat disangkal lagi bahawa agama Islam sangat menggalakkan aktiviti perniagaan dan cara yang paling terbaik untuk memiliki kekayaan dan rezeki adalah dengan berniaga atau menceburi bidang keusahawanan. Sebagai kesimpulan bagi setiap hujah dan teori yang dibincangkan, keusahawanan merupakan suatu proses untuk mengenal pasti dan mengeksploitasi peluang-peluang yang akan memberi pulangan dari segi faedah dan keuntungan yang maksimum, di samping menghadapi risiko yang munasabah dalam usaha untuk mencapai kejayaan.

2.3 Profil Demografi

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, kebanyakan penyelidik mengemukakan hujah bahawa ciri-ciri demografi memiliki pengaruh ke atas keputusan untuk memilih kerjaya keusahawanan berbanding ciri-ciri psikologi. Justeru, untuk kajian ini, beberapa faktor demografi telah dipilih untuk dikaji.

2.3.1 Jantina

Kebanyakan kajian terdahulu telah membuktikan bahawa pelajar lelaki memiliki kecenderungan keusahawanan yang jauh lebih kuat berbanding pelajar perempuan. Antaranya ialah kajian yang dilakukan ke atas graduan bidang perniagaan di Amerika Syarikat oleh Matthews dan Moser (1996) di mana mereka berpendapat bahawa tarikan

golongan lelaki adalah lebih konsisten jika dibandingkan dengan tarikan golongan perempuan yang menurun dari semasa ke semasa. Pendapat yang hampir sama turut dinyatakan oleh Kourilsky dan Walstad (1998) berdasarkan pemerhatian mereka ke atas kajian yang dilakukan kepada pelajar-pelajar sekolah tinggi di Amerika Syarikat. Kourilsky dan Walstad mendapati bahawa pelajar perempuan kurang berminat untuk memulakan perniagaan. Di samping itu, mereka juga kurang yakin dengan kebolehan sendiri dan kurang bertoleransi berbanding lelaki. Hisrich dan Brush (1986), Scherer, Brodzinski dan Wiebe (1989), dan Hian (1996) turut mengutarakan pendapat yang sama iaitu kecenderungan usahawan perempuan agak rendah berbanding usahawan lelaki. Hian dalam kajiannya ke atas 200 pelajar siswazah di Hong Kong mendapati pelajar lelaki cenderung terhadap bidang keusahawanan. Namun demikian, dapatan kajian yang dilakukan oleh Wan Shukry (2004) adalah bercanggah dengan pendapat para penyelidik tersebut. Berdasarkan kajian yang dilakukan ke atas pelajar Universiti Utara Malaysia, faktor jantina tidak menunjukkan perbezaan kecenderungan keusahawanan pelajar yang signifikan (lelaki = 3.96, perempuan = 3.76).

2.3.2 Penglibatan Ahli Keluarga Dalam Perniagaan

Menurut Bygrave (1997), jika seseorang yang memiliki ahli keluarga terdekat yang merupakan usahawan, maka dia juga akan cenderung untuk menjadi usahawan, terutamanya jika ahli keluarga tersebut merupakan ibu atau bapa. Di dalam suatu tinjauan yang dilakukan di United Kingdom yang melibatkan lebih 600 responden, didapati

bahawa 30% - 47% responden yang mempertimbangkan untuk memulakan kerjaya keusahawanan memiliki bapa yang menceburi bidang perniagaan (Storey, 1994). Di samping itu, Shapero (1984) turut menyatakan bahawa keluarga adalah sumber berkuasa dalam mempengaruhi seseorang individu untuk menjadi usahawan. Scott dan Twomey (1988) berpandangan bahawa pelajar yang memiliki ibu bapa peniaga menunjukkan kecenderungan yang tinggi untuk bekerja sendiri. Beberapa dapatan yang hampir sama turut diperolehi dalam kajian-kajian lain. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Crant (1996) ke atas pelajar sarjana muda dan MBA di Amerika Syarikat, kajian Schiller dan Crewson (1997) yang turut dijalankan di Amerika Syarikat dan kajian berhubung pemilihan untuk bekerja sendiri yang dilaksanakan di United Kingdom oleh Taylor (1996).

2.3.3 Latar Belakang Dan Pengalaman Bekerja

Secara umumnya, kajian-kajian yang berkaitan latar belakang dan pengalaman bekerja adalah masih kurang jika dibandingkan dengan kajian berkenaan latar belakang dan ciri-ciri peribadi. Hal ini mungkin disebabkan terlalu banyak kajian yang melibatkan pelajar peringkat sekolah, diploma dan ijazah. Potensi untuk menceburi bidang keusahawanan daripada golongan yang bekerja mungkin diabaikan dan kurang diberi fokus (Kho, 2004). Oleh itu, kajian berkaitan latar belakang dan pengalaman bekerja ini akan dilakukan dalam kajian ini bagi menambah hasil dapatan terkini.

2.4 Ciri-ciri usahawan

Berdasarkan kajian-kajian yang lepas, terdapat pelbagai pandangan dan huraian berkenaan ciri-ciri seseorang usahawan berjaya. Namun demikian, tiada ciri-ciri standard yang telah ditetapkan memandangkan ia terlalu subjektif dan bergantung kepada pandangan peribadi seseorang. Burton (1987) telah menyatakan bahawa kekurangan persetujuan mengenai definisi gelagat keusahawanan yang spesifik mengakibatkan kesulitan dalam mengkaji bidang keusahawanan ini. Burch (1986) telah menghuraikan sembilan ciri-ciri ketara yang membentuk kecenderungan keusahawanan seseorang. Antara ciri-ciri tersebut ialah keinginan untuk mencapai sesuatu, bekerja keras, menjaga kualiti, boleh menerima tanggung jawab, berorientasikan ganjaran, optimisma, bijak mengurus, berorientasikan kecemerlangan dan berorientasikan wang.

Dalam pada itu, Sarkom (1995) berpendapat bahawa seseorang usahawan itu memiliki beberapa ciri penting antaranya berkebolehan untuk menyedari, mengenal pasti, merebut dan mewujudkan peluang perniagaan. Selain itu, usahawan juga merupakan seseorang yang efisien dalam menguruskan sesebuah perniagaan di samping sentiasa bekerja keras untuk mengaut keuntungan. Antara ciri-ciri lain usahawan yang diutarakan adalah bijak membuat keputusan, berani mengambil risiko, sedia menerima cabaran dan berkebolehan untuk melihat peluang dalam setiap masalah atau bencana.

Selain itu, Nor Aishah dan Yufiza (2006) berpendapat bahawa minat terhadap keusahawanan adalah dipengaruhi oleh nilai dalaman kerana seseorang usahawan yang berjaya berada di dalam kelompok individu yang memiliki kualiti usahawan itu sendiri dan kualiti ini boleh dipupuk atau diwarisi. Apa yang dimaksudkan sebagai dipupuk adalah seseorang individu itu terkesan ataupun dipengaruhi oleh faktor persekitaran seperti rakan sebaya, idola, guru atau sebagainya. Sementara itu, terdapat juga individu yang memiliki ciri-ciri keusahawanan sejak dilahirkan misalnya sanggup mengambil risiko untuk mencapai matlamat dan sasaran. Di samping itu, Hian Chye Hian (1996) turut mengutarakan pandangan berkaitan ciri-ciri keusahawanan dengan menyentuh enam ciri utama yang dimiliki oleh usahawan. Enam ciri penting yang telah diketengahkan ini ialah keinginan untuk mencapai kejayaan, lokus kawalan yang tinggi, cenderung untuk menanggung risiko, sentiasa berkompromi dengan kekaburan, yakin diri dan berinovatif.

Littunen (2000) dan Louw (2003) turut berpandangan demikian dengan menyatakan bahawa ciri-ciri khusus bagi seseorang usahawan berjaya adalah berkebolehan untuk mengambil risiko, berinovasi, kekuatan sendiri, keperluan kepada pencapaian, lokus kawalan, memiliki kemahiran perniagaan dan pemasaran dan boleh bekerjasama. Suatu kajian yang telah dijalankan oleh Entrialgo (2000) telah menerangkan bahawa ciri-ciri seperti lokus kawalan, keperluan kepada pencapaian dan bertolak ansur terhadap kekaburan dianggap sebagai faktor penentu kepada kecenderungan keusahawanan.

Terdapat beberapa huraian lanjut berkaitan ciri-ciri ini. Kreifner dan Kinicki (2008) menyatakan bahawa keperluan terhadap pencapaian adalah untuk melengkapkan sesuatu yang sukar. Koh (1996) berpendapat bahawa individu yang memiliki tahap keperluan terhadap pencapaian yang tinggi memiliki keinginan yang sangat kuat untuk berjaya serta cenderung terhadap keusahawanan. Kajian yang dijalankan oleh de Pillis dan Reardon (2007) mendapati bahawa perbandingan yang dilakukan di antara dua negara menunjukkan rakyat Amerika memiliki tahap motivasi terhadap pencapaian yang lebih tinggi di samping cenderung dalam bidang keusahawanan berbanding rakyat Irish.

Selain itu, Wood, Wallace, Zeffane, Chapman, Fromholtz dan Marrison (2001) mengertikan keperluan terhadap pencapaian sebagai keinginan untuk melakukan sesuatu yang lebih baik, menyelesaikan masalah atau menguasai tugas yang rumit. Dengan kata lain, usahawan adalah pemula sendiri yang wujud secara dalamannya dipandu oleh keinginan besar untuk melengkapkan, berorientasi secara positif terhadap masa hadapan untuk memburu dan mencapai matlamat yang mencabar (Bawani, 2012). Secara umumnya, teori keperluan terhadap pencapaian yang diasaskan oleh McClelland adalah berhubung secara kuat dengan gelagat keusahawanan (Duygulu, 2008). Di samping itu, McClelland (1961) berhujah bahawa usahawan yang memiliki tahap keperluan terhadap pencapaian yang tinggi akan memilih situasi yang memerlukan mereka untuk bertanggung jawab, sederhana dalam menghadapi risiko, berpengetahuan dalam membuat keputusan dan berharap dengan kemungkinan pada masa hadapan (Kirby, 2004). Permulaan kepada teori ini adalah motif yang akan dipelajari dan motif tersebut boleh dilihat sebagai jangkaan. Pencapaian motif tersebut adalah berdasarkan kepada jangkaan

dalam melakukan sesuatu yang lebih baik atau cepat berbanding individu lain ataupun lebih baik daripada kejayaan sebelumnya (Hansemark, 2003). Berdasarkan teori ini juga, individu yang mempunyai kehendak yang kuat untuk menyelesaikan masalah sendiri, sentiasa bekerja keras untuk mencapai matlamat, menunjukkan prestasi yang sangat baik dalam menyiapkan tugas dan berinovatif dalam meningkatkan prestasi merupakan individu yang memiliki tahap keperluan terhadap pencapaian yang tinggi (Littunen, 2000). Teori ini menerangkan bahawa individu yang memiliki keperluan terhadap pencapaian yang tinggi juga sentiasa mencari jalan untuk menceburi bidang keusahawanan dan lebih berjaya berbanding usahawan lain. Menurut Gupta, MacMillan dan Surie (2004), tahap keperluan terhadap pencapaian yang tinggi adalah berkait rapat dengan kepimpinan ke arah keusahawanan. Hal ini demikian kerana individu yang memiliki ciri ini berkebolehan menghadapi risiko, berkeyakinan diri dan suka menerima maklum balas terhadap apa yang dilakukannya (King, Foster, Fritz, Waller dan Wheeler, 2005).

Ciri seterusnya yang sering dikaitkan dengan bidang keusahawanan adalah lokus kawalan yang juga berkait rapat dengan 'teori model baka'. Secara umumnya, dua jenis individu yang terdapat dalam teori ini adalah individu yang mempunyai lokus kawalan luaran dan individu yang memiliki lokus kawalan dalaman. Individu yang memiliki lokus kawalan luaran merupakan seseorang yang percaya bahawa apa yang terjadi dalam kehidupan mereka adalah sesuatu kebetulan, mengikut nasib atau berpunca dari desakan luaran yang di luar kawalan mereka. Manakala seseorang yang mempunyai lokus kawalan dalaman percaya bahawa mereka sebenarnya yang mengawal sebahagian mas

depan melalui usaha mereka sendiri (Norita, 2007). Hal ini menunjukkan bahawa sifat lokus kawalan dalaman itu sendiri telah mendorong seseorang individu untuk cenderung memilih bidang keusahawanan. Menurut Lussier (2008), lokus kawalan adalah perkara yang berterusan antara kepercayaan luaran dan dalaman terhadap kawalan seseorang ke atas nasibnya. Individu yang memiliki kawalan lokus luaran yang tinggi percaya bahawa mereka memiliki sedikit kawalan ke atas usaha mereka dan tidak memiliki peluang dengan pengalaman yang baru. Manakala individu dengan kawalan lokus dalaman yang tinggi percaya bahawa mereka adalah di dalam kawalan dan lebih terbuka dengan pengalaman baru. Berdasarkan pendapat Robbins (2003), lokus kawalan dalaman merujuk kepada tahap di mana seseorang itu percaya bahawa mereka adalah berkuasa ke atas nasib mereka.

Sementara itu, McShane dan Von Glinow (2005) melaporkan bahawa lokus kawalan dalaman merupakan kepercayaan menyeluruh berkaitan kawalan yang dimiliki setiap individu terhadap kehidupan mereka sendiri. Usahawan yang berjaya amat percaya kepada diri mereka. Usahawan tidak percaya bahawa kejayaan atau kegagalan usaha mereka dikuasai oleh nasib, takdir atau tuah (Littunen, 2000). Sebagai bukti, beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa wujudnya hubungan yang signifikan antara lokus kawalan dalaman dan kecenderungan keusahawanan. Misalnya kajian yang dilakukan oleh Taramisi (2009) ke atas pelajar Thailand di Universiti Utara Malaysia dan kajian ke atas pelajar jurusan perdagangan oleh Hasniza (2011) mendapati bahawa para responden memiliki lokus kawalan dalaman dan cenderung menjadi usahawan.

Di samping itu, ciri ketiga yang ingin dibincangkan dalam kajian ini ialah kecenderungan mengambil risiko. Menurut Byrd dan Brown (2003), kecenderungan mengambil risiko bererti seseorang individu itu sanggup untuk mengetengahkan ideanya ke tahap di mana boleh mendatangkan risiko kepada keselamatannya, kerjaya, reputasi atau kehormatan dirinya. Sejarah keusahawanan adalah berhubung kait dengan kecenderungan mengambil risiko. Sebagai contoh, Entrialgo et al. (2000), menunjukkan bahawa faktor utama dalam membezakan usahawan dan pekerja ialah kekaburan dan risiko yang diambil. Dalam pada itu, apa yang ditekankan dalam membezakan usahawan dan pengurus perniagaan adalah kecenderungan dalam mengambil risiko terhadap keuntungan dan kerugian. Menurut Korunku et al. (2003), kecenderungan mengambil risiko telah dikenali sebagai ciri ketiga usahawan dan Atherton (2004) pula menganggap ia sebagai kunci kepada gelagat keusahawanan. Pendek kata, kecenderungan mengambil risiko ini telah dikenal pasti sebagai ciri asas usahawan.

Ciri terkahir yang cuba diketengahkan dalam kajian ini adalah keyakinan diri. Umumnya, keyakinan datang daripada pengalaman. Ia merujuk kepada perasaan, kesedaran atau kepercayaan seseorang (Taramisi, 2009). Tajeddini dan Muller (2009) berpendapat bahawa sesuatu keyakinan menekankan kepercayaan seseorang untuk bertindak dalam cara yang betul, wajar atau berkesan supaya dapat mencapai kejayaan. Begitu banyak hasil penulisan dan kajian yang menghuraikan berkaitan ciri keyakinan diri atau kepercayaan kepada diri. Misalnya Tajeddini dan Muller (2009) menjelaskan bahawa keyakinan diri membolehkan seseorang usahawan sanggup untuk melakukan sesuatu pekerjaan yang sukar dan berbahaya. Jika seseorang usahawan itu cenderung

untuk memulakan sesebuah perniagaan, dia semestinya yakin dan percaya bahawa dia mampu untuk mencapai matlamat tersebut. Dalam kata lain, keyakinan diri merupakan ciri keusahawanan yang penting dan ia berhubungan dengan ciri-ciri psikologikal lain, contohnya lokus kawalan dalaman, kecenderungan untuk mengambil risiko dan keperluan terhadap pencapaian.

Oleh itu, empat ciri personaliti ini iaitu keperluan terhadap pencapaian, lokus kawalan, kecenderungan untuk mengambil risiko dan keyakinan diri dipilih untuk mengkaji profil keusahawanan pelatih Giat Mara. Ciri-ciri ini dipilih kerana ia kerap kali diaplikasikan dalam kebanyakan kajian keusahawanan lepas. Tambahan pula, penyelidik menganggap bahawa empat ciri ini dapat mewakili gelagat keusahawanan bagi setiap individu.

2.5 Kursus Latihan Dan Kemahiran

Menurut Flippo (1976), latihan merupakan perbuatan seseorang pekerja untuk menambah atau meningkatkan kemahiran dan pengetahuannya dalam melaksanakan pekerjaan tertentu. Robert (1985) pula berpendapat bahawa latihan adalah satu medium pembelajaran ataupun suatu proses yang bersistematik bagi membentuk kelakuan seseorang dalam mencapai matlamat sesuatu organisasi. Pendapat yang hampir sama turut dinyatakan oleh Shafritz (1985) dengan menambah bahawa latihan adalah tindakan utama dalam usaha untuk mencapai sesuatu objektif yang penting. Di samping itu,

Goldstein (1993) berhujah bahawa latihan merupakan kaedah yang bersistematik yang bertujuan untuk memperoleh kemahiran, peraturan, konsep atau sikap yang memberi impak terhadap peningkatan prestasi dalam persekitaran berbeza. Oleh yang demikian, kesedaran tentang keperluan latihan dan sokongan kepada setiap usahawan dalam usaha untuk menggalakkan aktiviti keusahawanan dan mengurangkan kegagalan dalam perniagaan telah meningkat dalam kalangan ahli-ahli industri, perniagaan dan kerajaan kini (Abdullah et al., 2009). Hal ini demikian kerana usahawan sememangnya boleh dilahirkan atau dilatih.

2.6 Kecenderungan keusahawanan

Menurut Kolvereid (1996), kecenderungan adalah alat ukur ke atas kemahuan atau keinginan seseorang individu untuk bertindak. Maizura (2009) berpendapat bahawa kecenderungan adalah sebuah gambaran kognitif berkenaan seseorang individu. Menyentuh berkaitan bidang keusahawanan, Bird (1988) merupakan salah seorang pengkaji awal yang menggunakan konsep kecenderungan dalam bidang ini (Maizura, 2009). Bird (1988) berpandangan bahawa keusahawanan adalah suatu proses di mana kecenderungan memainkan peranan penting dan ia selaras dengan keadaan minda yang berlangsung dengan niat manusia, pengalaman dan tindakan terhadap matlamat untuk mewujudkan sesebuah perniagaan.

Di samping itu, Krueger (1993) mendefinisikan kecenderungan keusahawanan adalah komitmen seseorang individu untuk memulakan sebuah perniagaan baru. Davidsson (1995) mengutarakan pendapatnya dengan menyatakan bahawa kecenderungan keusahawanan sebagai pertimbangan seseorang individu untuk memulakan perniagaan yang baru. Selain itu, Crant (1996) melihat kecenderungan keusahawanan adalah keputusan yang dibuat oleh seseorang dengan tujuan memiliki perniagaan sendiri. Pendapat ini hampir serupa dengan pandangan Chen et al, (1998) iaitu mengaitkan kecenderungan keusahawanan adalah keputusan untuk menghasilkan dan menguruskan perniagaan milik sendiri.

Terdapat kajian-kajian terdahulu yang mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada kecenderungan keusahawanan. Maizura (2009) menyatakan beberapa kajian empirikal yang mengenal pasti sifat-sifat individu, ciri-ciri dan kebolehan di kalangan usahawan yang dilihat memiliki pengaruh yang kuat terhadap kecenderungan keusahawanan (lihat e.g. Douglas dan Shepherd, 2002; Shepherd dan DeTienne, 2005; Kolvereid dan Isaksen, 2007). Reynolds (1991) menerangkan bahawa faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi kecenderungan seseorang individu untuk menubuhkan perniagaan termasuklah ciri-ciri individu dan juga ciri-ciri situasi. Di samping itu, Scheinberg dan MacMillan (1988) menjelaskan bahawa keperluan terhadap kelulusan, pengertian yang bersifat kemewahan, tahap komuniti, keperluan terhadap pembangunan diri, keperluan terhadap kebebasan dan keperluan untuk escape lead individual terhadap kecenderungan keusahawanan.

Kajian yang dilakukan oleh Wan Syukry (2006) ke atas 208 pelajar Universiti Utara Malaysia mendapati proaktif dan personaliti berinovatif telah mempengaruhi kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar. Douglas dan Shepherd (2002) pula menemui bahawa sikap berdikari, risiko dan pendapatan mempengaruhi kecenderungan individu untuk bekerja sendiri.

2.7 Teori Asas Kecenderungan dalam Bidang keusahawanan

2.7.1 Ciri-ciri Personaliti

Personaliti merujuk kepada struktur dan kecenderungan dalam diri seseorang yang menerangkan cara dia berfikir, emosi dan tingkah lakunya (Colquitt, LePine dan Wesson, 2009). Penulis turut menghuraikan definisi ciri-ciri sebagai suatu perlakuan yang berulang-ulang atau cara tindak balas seseorang terhadap persekitarannya. Selain itu, Feist dan Feist (2009) menerangkan definisi personaliti sebagai suatu bentuk ciri-ciri yang kekal dan unik yang memberikan ketetapan dan keperibadian kepada tingkah laku individu. Ciri-ciri ini menyumbangkan kepada setiap individu perbezaan dalam bertingkah laku, ketetapan tingkah laku dan kestabilan tingkah laku terhadap situasi dan keadaan. Dimensi ciri-ciri kadang kala berhubung kait dengan "*The Big Five*". Bagaimanapun, disebabkan tiada set standard berhubung dimensi identiti yang dipersetujui, justeru para penyelidik mencadangkan "*Big Five*" sebagai "*big fives*" (2009d dan 2009e). Big five terdiri daripada *neuroticism*, *extraversion*, *openness*, *agreeableness* and *conscientiousness*. Huraian lanjut *Big Five* boleh dirujuk pada jadual

yang bertajuk “*Traits facets associated with the five domains of the Costa and McCrae five factor model of personality*” dalam Appendix.

Kajian-kajian lepas mengenai pengaruh ciri-ciri personaliti ke atas kecenderungan keusahawanan yang diperolehi oleh ramai penyelidik (Kristiansen dan Indarti, 2004; de Pillis & Reardon, 2007; Sequeira et al., 2007; Cools dan Van den Broeck, 2007) kebanyakannya lahir daripada teori-teori McClelland (1961) dan Bandura (1977). McClelland menyumbangkan konsep keperluan terhadap pencapaian manakala Bandura mengetengahkan konsep *self-efficacy*nya atau kekuatan diri. Keperluan terhadap pencapaian bererti keinginan untuk menyelesaikan sesuatu perkara yang sukar, memiliki kelebihan dan jauh lebih baik berbanding orang lain dalam usaha untuk mencapai kejayaan (McClelland, 1961). Hal ini demikian kerana setiap individu yang memiliki tahap pencapaian yang tinggi memiliki keinginan yang kuat untuk berjaya dan hasilnya, golongan ini akan cenderung terhadap keusahawanan (Koh, 1996). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh de Pillis dan Reardon (2007), didapati bahawa jika dibandingkan rakyat Irish dan rakyat Amerika, rakyat Amerika secara signifikan mencapai skor yang lebih tinggi dalam pencapaian motivasi dan ini secara positifnya memiliki hubungan korelasi dengan kecenderungan keusahawanan.


Self efficacy juga merupakan ciri-ciri personaliti yang dapat meramal kecenderungan keusahawanan. Bandura (1977) menjelaskan *self efficacy* adalah kepercayaan seseorang terhadap peluangnya untuk menyiapkan sesuatu tugas khas secara

jayanya. Cool dan Van den Broeck (2007) menyatakan bahawa setiap individu harus percaya kepada kemampuan mereka untuk berjaya dalam memulakan serta menjalankan perniagaan yang baru sebelum mereka melakukan perkara tersebut. Kajian yang lepas mendapati bahawa individu yang memiliki ciri-ciri keusahawanan akan terarah kepada pembentukan kecenderungan keusahawanan (de Pillis dan Reardon, 2007; Jung et al., 2001; Kristiansen dan Indarti, 2004). Di samping itu, terdapat beberapa ciri-ciri keusahawanan lain yang menggerakkan kecenderungan keusahawanan dalam setiap individu. Abu Bakar dan Muhammad Shukri (2008) telah mengaplikasikan ciri-ciri seperti proaktif, *self efficacy*, inovatif dan lokus kawalan untuk tujuan meramal kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar UUM. Berdasarkan ciri-ciri berikut, Finn (1987) mengklasifikasikan ciri proaktif dan kekuatan diri atau *self efficacy* sebagai ciri-ciri instrumental di mana usahawan boleh memberi kesan kepada masyarakat. Dua ciri lain iaitu inovatif dan lokus kawalan dikelaskan sebagai ciri-ciri kognitif yang berhubung dengan bahagian pemprosesan maklumat. Menerusi kajian ini, ciri keperluan terhadap pencapaian dan lokus kawalan akan ditekankan bagi menguji hubungannya dengan kecenderungan keusahawanan.

2.7.2 “Teori Entrepreneurial Event” oleh Shapero (1982)

Umumnya, teori kecenderungan keusahawanan yang diperkenalkan oleh Shapero (1982) ini terdiri daripada tiga dimensi. Tiga dimensi yang mempengaruhi kecenderungan keusahawanan tersebut ialah persepsi terhadap keinginan (*perceived desirability*), persepsi terhadap kemampuan (*perceived feasibility*) dan kecenderungan untuk memunculkan perilaku (*propensity to act*). Dimensi pertama iaitu persepsi terhadap keinginan merujuk kepada sikap terhadap keusahawanan berdasarkan kepada pengalaman seseorang secara langsung atau tidak langsung. Pengalaman tersebut mungkin boleh didapati daripada pengaruh *role model* dan pengalaman bekerja. Menurut Shapero (1982) pula, persepsi terhadap keinginan ini merupakan tahap di mana seseorang individu itu mendapati bahawa memulakan sesebuah perniagaan adalah suatu perkara yang menarik yang boleh dilakukan. Pendek kata, *perceived desirability* ini merupakan sesuatu tarikan untuk memulakan perniagaan di mana individu itu percaya bahawa menjalankan perniagaan adalah wajar sebelum kecenderungan keusahawanan terbentuk. Dimensi kedua pula iaitu persepsi terhadap kemampuan yang telah diperluaskan lagi skopnya oleh Krueger (1993). Krueger (1993) menjelaskan bahawa persepsi terhadap kemampuan tersebut merupakan tahap kesediaan iaitu kepercayaan seseorang individu terhadap kebolehannya sendiri untuk menjalankan perniagaan baru. Kepercayaan ini berdasarkan kepada kebolehan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan emosi yang dimiliki untuk menjadi usahawan. Seterusnya ialah kecenderungan untuk bertindak. Shapero (1982) menerangkan bahawa kecenderungan untuk bertindak adalah penting memandangkan kedua-dua dimensi lain tidak dapat mengukur kecenderungan dengan tepat.

Bagi mengukur kecenderungan keusahawanan di dalam kajian ini, ketiga-tiga dimensi ini diguna pakai dengan menekankan kepada persepsi terhadap kemampuan di mana latihan dan kemahiran yang diperolehi pelatih berhubungan dengan kecenderungan keusahawanannya. Di samping itu, faktor pengalaman bekerja turut dipilih dalam kajian ini.




Rajah 2.1:

Model Teori “Entrepreneurial Event” Oleh Shapero (1982)

Sumber: (Krueger & Carsrud, 1993; Summers, 1998; Krueger et. al, 2000; Fayolle, 2004)

2.8 Model Kerangka Teori Kajian

Berdasarkan kerangka teori kajian dalam Rajah 2.1, kajian ini direka bentuk untuk mengenal pasti hubungan faktor demografi, ciri-ciri keusahawanan, kursus kemahiran dan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.



Rajah 2.2:

Model Kerangka Teori Kajian Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelatih Giat Mara Negeri Kedah

2.9 Hipotesis Kajian

H1: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara profil demografi dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

H1(a): Terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina dan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

H1(b): Terdapat perbezaan yang signifikan di antara ahli keluarga pelatih yang terlibat dengan perniagaan dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

H1(c): Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengalaman bekerja dengan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

H2: Terdapat perhubungan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

H3: Terdapat perhubungan yang signifikan antara kursus latihan dan kemahiran yang dipelajari dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

H4: Ciri-ciri keusahawanan dan kursus latihan dan kemahiran mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini merangkumi perbincangan berkaitan kaedah kajian bagi menjawab persoalan dalam kajian ini. Bab ini bermula dengan diskusi berkaitan reka bentuk kajian, populasi dan persampelan. Kemudian diikuti dengan reka bentuk instrumen kajian, pengukuran pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar, pengumpulan data, pengujian awal dan akhir sekali teknik-teknik yang digunakan untuk menganalisis data.

3.1 Reka bentuk kajian

Dalam kajian kuantitatif ini, kaedah untuk mendapatkan data yang dipilih adalah soal selidik. Menurut Sekaran (2003), soal selidik adalah kaedah pengumpulan data yang paling berkesan. Tambahan pula, kaedah soal selidik ini adalah kaedah yang popular memandangkan penyelidik boleh memperolehi data secara efisien dan jawapan responden di dalam borang soal selidik adalah mudah untuk dikod dan dianalisis. Dalam pada itu, pendapat yang hampir sama dengan Sekaran iaitu Jamal et. al. (2010) berpandangan bahawa kaedah soal selidik merupakan kaedah terbaik kerana ia dapat

mempercepatkan proses pengumpulan data dan data yang diperolehi mudah untuk dianalisis oleh penyelidik. Beliau turut menyatakan bahawa kaedah ini adalah sesuai bagi kawasan geografi yang luas dan tinggi kadar celik hurufnya. Maizura (2009) pula berpendapat bahawa kaedah kajian soal selidik ini adalah lebih murah dan cepat berbanding kaedah-kaedah lain.

Kaedah pengumpulan data ini mengambil masa sekitar satu minggu iaitu pada 16 Mac hingga 23 Mac 2014.

3.2 Populasi Dan Reka Bentuk Sampel

Populasi yang disasarkan dalam kajian ini adalah pelatih-pelatih Giat Mara di negeri Kedah iaitu seramai 1370 orang. Para pelatih ini sedang mengikuti pelbagai kursus latihan dan kemahiran bermula pengambilan awal 2014 yang lalu.

3.2.1 Prosedur Persampelan

Sampel kajian ini adalah pelatih-pelatih Giat Mara daripada lima buah pusat iaitu Alor Setar, Kuala Kedah, Pendang, Jerlun dan Jerai yang terdiri daripada pelbagai bidang kemahiran. Bilangan responden kajian ini adalah seramai 320 pelatih Giat Mara yang mewakili keseluruhan pelatih di Kedah iaitu seramai 1370 orang. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual 3.1.

Jadual 3.1:*Sampel Pelatih Giat Mara*

Pusat Giat Mara	Bilangan Sampel
Alor Setar	70
Kuala Kedah	50
Pendang	60
Jerlun	70
Jerai	70
Jumlah	320

3.2.2 Saiz Sampel

Menurut Hair, Money, Page dan Samouel (2003), sampel adalah suatu subset kecil daripada populasi. Ia terdiri daripada beberapa ahli daripada populasi yang dipilih penyelidik. Berdasarkan kajian ini, seramai 320 orang pelatih Giat Mara yang terdiri daripada pelbagai kursus telah dipilih sebagai sampel kajian ini.

3.3 Prosedur Pengumpulan Data

Secara umumnya, kajian ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu pengumpulan data primer dan pengumpulan data sekunder.

3.3.1 Data Primer

Dalam kajian ini, data primer diperolehi melalui jawapan yang diberikan oleh pelatih-pelatih GiatMara dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada mereka. Sebanyak 320 borang diagihkan kepada pelatih di lima buah pusat GiatMara terlibat dan dalam tempoh seminggu borang itu dikembalikan semula kepada penyelidik. Borang soal selidik yang diedarkan mengandungi soalan yang telah disediakan untuk dijawab oleh para pelajar tersebut. Menurut Sharifah Nazira (2012), soal selidik merupakan alat penting kerana ia akan menentukan nilai penyelidikan secara keseluruhan. Justeru, setiap soalan perlu dinyatakan dengan jelas dan disusun dengan teratur.

3.3.2 Data Sekunder

Siti Hawa (2009) menyatakan bahawa data yang boleh diperolehi melalui beberapa sumber seperti sumber bertulis yang pernah diterbitkan atau tidak diterbitkan adalah dikenali sebagai data sekunder. Manakala menurut Jamal et. al (2010) pula, data sekunder

ialah data yang boleh diperoleh daripada sumber-sumber yang telah sedia ada seperti data yang diterbitkan oleh kerajaan atau agensi-agensi tertentu. Dalam kajian ini, penyelidik telah merujuk beberapa data sekunder antaranya ialah bahan-bahan bacaan seperti buku teks, surat khabar, majalah, jurnal-jurnal, pangkalan data dan pelbagai sumber lain daripada internet.

3.4 Instrumen kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara profil demografi, ciri-ciri keusahawanan, kursus dan latihan kemahiran dan kecenderungan keusahawanan. Secara umumnya, kajian kuantitatif ini menggunakan borang soal selidik yang telah diubahsuai daripada beberapa kajian terdahulu. Soal selidik ini terdiri daripada 51 soalan yang digunakan untuk mengumpul data-data penting yang diperlukan oleh penyelidik. Soal selidik ini dibahagikan kepada empat seksyen, iaitu seksyen A, B, C dan D. Berdasarkan seksyen A, data berkaitan demografi dan latar belakang responden dikumpul. Soalan-soalan dalam seksyen A ini memerlukan responden mengisi jawapan berkaitan jantina, umur, latar belakang pendidikan, bidang kemahiran dan sebagainya. Sementara itu, seksyen B dan C pula terdiri daripada soalan-soalan berkenaan ciri-ciri keusahawanan dan kursus kemahiran yang dipelajari manakala Seksyen D berkaitan kecenderungan keusahawanan. Dalam seksyen A terkandung 11 item soalan berkaitan profil demografi yang diubahsuai daripada kajian milik Rafika (2009) iaitu *“The Influence of Persuasion and Social Capital on Entrepreneurial Intention among Malaysian and Indonesian*

Students in UUM". Dimensi ciri-ciri keusahawanan diukur dengan 20 item yang diadaptasikan daripada kajian "Kecenderungan Tahap Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Jurusan Perdagangan SMK Seksyen 24(2) Shah Alam" yang dilaksanakan oleh Hasniza (2011) dengan menggunakan lima skala Likert seperti berikut:

Sangat tidak setuju (STS)	-	1
Tidak setuju (TS)	-	2
Agak setuju (AS)	-	3
Setuju (S)	-	4
Sangat setuju (SS)	-	5

Sementara itu, dimensi bagi kursus latihan dan kemahiran diukur dengan 9 item yang diubahsuai daripada kajian yang bertajuk "*Women Entrepreneur's Performance: Microfinance Factors with Mediating Effect of Opportunity and Moderating Effect of Attitude*" milik Isidore Ekpe (2011) dan masih menggunakan lima skala Likert tersebut. Manakala dimensi kecenderungan keusahawanan pula diukur menggunakan 15 item yang diadaptasi daripada dua kajian keusahawanan iaitu milik Wan Syukry Wan Drani (2004) yang bertajuk "Pengaruh Personaliti Terhadap Kecenderungan Keusahawanan dan kajian Tahap Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Jurusan Perdagangan SMK Seksyen 24(2) Shah Alam" yang dilaksanakan oleh Hasniza Hafidzin (2011). Item-item ini masih menggunakan susunan lima skala Likert bermula dengan 1 (paling tidak setuju) hingga 5 (paling setuju).

3.5 Ujian Analisis

Penyelidik menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS Version 2.0) untuk menganalisis data yang diperolehi. Melalui statistik deskriptif, faktor analisis, kebolehpercayaan (*reliability*) korelasi dan regresi, data-data akan diuji untuk tujuan menganalisis hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Penyelidik menggunakan ujian-t sampel bebas untuk menguji jantina dan penglibatan ahli keluarga dalam perniagaan terhadap kecenderungan keusahawanan pelatih kerana ia melibatkan dua kumpulan pemboleh ubah yang berbeza.

Di samping itu, Analisis Varians Sehala (One way ANOVA) digunakan bagi mengukur profil demografi responden iaitu pengalaman bekerja terhadap kecenderungan keusahawanan responden. Hal ini demikian kerana pemboleh ubah tersebut memiliki tiga atau lebih set data (Wan Shukry, 2004). Di samping itu, penyelidik mengaplikasikan Ujian Kolerasi *Pearson* untuk mengukur perhubungan antara pemboleh ubah lain. Menurut tafsiran pekali kolerasi yang diutarakan oleh McBurney (2001), beliau berpendapat bahawa nilai pekali pada 0.81 atau lebih, hubungan antara pemboleh ubah adalah kuat. Tetapi, hubungan antara pemboleh ubah adalah lemah pada nilai pekali kurang daripada 0.2. Huraian yang lebih terperinci berkaitan tafsiran pekali kolerasi adalah seperti Jadual 3.2. Namun demikian, Gravetter & Wallnau (1985) dan McBurney (2001) telah berpendapat bahawa hubungan antara punca dan kesan antara dua pemboleh ubah tidak dapat dinyatakan melalui ujian kolerasi ini. Oleh itu, analisis regresi

merupakan satu kaedah yang digunakan dalam kajian ini bagi melihat pengaruh dalam kecenderungan keusahawanan, di samping mengukur kewajaran model kajian yang dirangka.

Jadual 3.2:

Tafsiran Pekali Kolerasi Oleh McBurney (2001)

Nilai Pekali	Penerangan
0.81 atau lebih	Perkaitan yang kuat
0.61 - 0.80	Perkaitan yang sederhana kuat
0.41 – 0.60	Perkaitan yang sederhana
0.21 – 0.40	Perkaitan yang sederhana lemah
Kurang daripada 0.2	Perkaitan yang lemah

3.6 Pengujian Awalan Dan Pengesahan Instrumen

Sebelum kajian sebenar dilakukan, penyelidik telah menjalankan pengujian awal. Tujuan pengujian awal ini adalah untuk mengenal pasti sama ada terdapat kesamaran atau kekaburan item di dalam reka bentuk instrumen yang disediakan. Rafika (2009) berpendapat bahawa pengujian awal ini juga bertujuan untuk mengukur kebolehpercayaan sesuatu item di dalam instrumen soal selidik yang dibentuk.

Pembetulan perlu dilakukan sekiranya terdapat kesilapan, kelemahan atau ketidakwajaran item sebelum ia diguna pakai untuk kajian sebenar.

Bagi tujuan pengujian awal ini, seramai 30 orang pelatih Giat Mara Alor Setar telah dipilih sebagai responden untuk memastikan sama ada soalan-soalan soal selidik tersebut bersesuaian dengan kajian yang dilakukan. Penyelidik juga dapat mengetahui sejauh mana tahap kefahaman para responden terhadap arahan dan item-item soal selidik tersebut. Daripada pengujian awal yang dijalankan, secara keseluruhannya responden dapat memahami setiap item soalan tersebut. Setelah diuji, penyelidik mendapati nilai Alpha yang diperolehi adalah melebihi 0.7. Jadual 3.3 menunjukkan bacaan nilai Alpha yang dicapai bagi setiap bahagian dalam soal selidik.

Jadual 3.3:

Keputusan Kebolehpercayaan Soalan Kaji Selidik Dalam Pengujian Awal

Bahagian	Soalan	Nilai Cronbach Alpha
Ciri-Ciri Keusahawanan	20	0.833
Kursus Latihan Dan Kemahiran	9	0.937
Kecenderungan Keusahawanan	15	0.920

3.6.1 Ujian Kebolehpercayaan

Menurut Siti Hawa (2008), melalui pengujian awal yang dilakukan, tahap kebolehpercayaan instrumen yang direka bentuk dapat diuji. Hal ini termasuklah dari segi penggunaan bahasa yang betul dan pemahaman maksud dalam setiap ayat. Secara umumnya, terdapat berbagai-bagai kaedah pengukuran yang boleh digunakan untuk mengukur koefisien kebolehpercayaan instrumen dalam sesuatu kajian. Namun, penyelidik menggunakan prosedur Alpha Cronbach untuk menguji tahap kebolehpercayaan bagi setiap item dalam soal selidik ini. Menurut Sekaran (2003), tahap kebolehpercayaan adalah tinggi sekiranya nilai Alpha semakin menghampiri kepada 1. Sekiranya nilai Alpha melebihi 0.7, ia menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan adalah baik dan boleh diterima. Namun demikian, nilai kebolehpercayaan sesuatu instrumen dianggap rendah jika nilai Alpha kurang daripada 0.6. Penerangan lanjut berkaitan nilai bacaan Alpha adalah seperti dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4:

Tafsiran Nilai Alpha Cronbach oleh Sekaran (2003)

Nilai pekali Alpha Cronbach	Penerangan
1	Cemerlang
0.8 – 0.99	Baik
0.6 – 0.79	Boleh diterima
Bawah 0.6	Lemah

Menurut Hair, et al. (2007), jumlah individu untuk tujuan pengujian awal adalah tidak kurang daripada empat atau lima orang dan tidak melebihi daripada 30 orang. Oleh itu, seramai 30 pelatih dipilih untuk tujuan pengujian awal ini.

3.7 Rumusan

Secara umumnya, bab ini membincangkan mengenai reka bentuk kajian, pengumpulan data dan teknik persampelan, instrumen kajian dan pengukuran, ujian kebolehpercayaan, dan ujian analisis. Di samping itu, analisis deskriptif digunakan untuk menguji hipotesis pertama iaitu berhubung maklumat berkaitan demografi responden manakala analisis inferential digunakan untuk menguji hipotesis kedua dan ketiga. Keadah-kaedah yang digunakan untuk menganalisis data telah dibincangkan dan keputusan analisis diterjemahkan dalam bab seterusnya iaitu bab 4.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang analisis dan dapatan yang diperolehi daripada kajian ini. Data yang dianalisa dan keputusan yang didapati adalah berkaitan kadar respon, profil demografi responden dan hipotesis hubungan di antara pemboleh ubah terlibat. Data-data ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif kajian di samping menjawab persoalan kajian ini.

4.1 Kadar Respon

Daripada 320 borang soal selidik yang diedarkan kepada responden, hanya 315 (98.43%) borang yang dikembalikan semula kepada penyelidik. Namun demikian, setelah diperiksa kesemua borang tersebut, terdapat 306 borang sahaja yang boleh dianalisis sementara 9 borang yang lain tidak diisi dengan lengkap dan dianggap sebagai borang rosak. Oleh itu, penyelidik berjaya memperolehi kadar respon sebanyak 95.6%. Kadar respon yang melebihi 80% adalah dianggap sangat baik manakala pada kadar 50% ke atas adalah diterima pakai (Hair, Black, Babin dan Anderson, 2010).

4.2 Ciri-ciri Demografi

4.2.1 Profil Responden

Jadual 4.1:
Ciri-Ciri Demografi

Pemboleh Ubah	Ciri-Ciri	Kekerapan(N=306)	Peratus
Jantina	Lelaki	167	54.6
	Perempuan	139	45.4
Umur	15-25	266	86.9
	26-36	23	7.5
	37-47	14	4.6
	48 dan ke atas	3	1.0
Pendidikan	Sekolah rendah	6	2.0
	PMR/SPM/LCE	26	8.5
	SPM/SPMV/MCE	224	73.2
	STPM/HSC	29	9.5
	Diploma	15	4.9
	Ijazah	6	2.0
Status	Bujang	272	88.9
Perkahwinan	Berkahwin	32	10.5
	Duda	1	0.3
	Janda	1	0.3
Tempat Tinggal	Bandar	110	35.9
	Luar Bandar	196	64.1
Pengalaman Kerja	Sektor kerajaan	13	4.2
	Sektor Swasta	57	18.6
	Bekerja Sendiri	43	14.1
	Tiada	193	63.1
Kursus Kemahiran	Fesyen dan Jahitan	91	29.7
	Tekno Sistem Komputer	26	8.5
	Teknologi Motosikal	39	12.7
	Kek dan Pastrri	11	3.6
	Teknologi Penyejukbekuan	17	5.6
	Seni Reka & Gaya Rambut	14	4.6
	Teknologi Automotif	41	13.4
	Pendawaian Elektrik	52	17.0
Lain-lain	15	4.9	
Jumlah		306	100

Berdasarkan Jadual 4.1, didapati bahawa majoriti responden merupakan lelaki iaitu 167 orang atau 54.6% manakala responden perempuan adalah sebanyak 139 orang iaitu 45.4%. Selain itu, kebanyakan responden adalah dalam lingkungan umur 15-25 tahun dengan jumlah 266 orang iaitu sebanyak 86.9%. Seramai 23 orang atau 7.5% adalah berusia 26-36, 14 orang berusia 37-47 dan 3 orang dari lingkungan umur 48 dan ke atas. Merujuk kepada tahap pendidikan responden, majoriti responden memiliki tahap pendidikan sehingga SPM iaitu 224 orang atau 73.2%, 29 orang memiliki pendidikan sehingga STPM iaitu 9.5%, 26 orang berpendidikan sehingga PMR dengan peratusan 8.5%, pemegang sijil diploma seramai 15 orang atau 4.9% dan sekolah rendah serta ijazah masing-masing mencatat peratusan sebanyak 2.0% iaitu 6 orang.

Di samping itu, sebanyak 88.9% atau 272 responden adalah terdiri daripada golongan bujang, 32 orang sudah berkahwin dengan catatan peratusan 10.5% manakala responden yang berstatus duda dan janda adalah sama rata iaitu 0.3% atau seorang sahaja. Dalam pada itu, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa seramai 196 responden tinggal di kawasan luar bandar dengan peratusan sebanyak 64.1% manakala selebihnya iaitu 35.9% atau 110 orang responden tinggal di kawasan bandar. Berdasarkan kepada aspek pengalaman kerja, didapati bahawa kebanyakan responden tidak memiliki pengalaman bekerja iaitu seramai 193 orang atau 63.1%. Responden yang memiliki pengalaman kerja dari sektor swasta mencatatkan peratusan sebanyak 18.6% atau 57 orang, 43 orang memiliki pengalaman bekerja sendiri dan selebihnya memiliki pengalaman bekerja di sektor kerajaan iaitu 13 orang atau 4.2%. Selain itu, didapati

majoriti responden adalah daripada kursus fesyen dan jahitan iaitu 91 orang dengan peratusan sebanyak 29.7%, diikuti kursus pendawaian elektrik iaitu 52 orang atau 17% dan hanya 11 orang daripada kursus kek dan pastri yang terlibat. Selebihnya adalah daripada beberapa kursus lain yang mencatat angka sederhana.

4.2.2 Latar Belakang Keluarga

Jadual 4.2 membincangkan latar belakang keluarga responden. Ia menerangkan tentang pekerjaan bapa dan ibu responden serta maklumat ahli keluarga responden yang terlibat dengan bidang perniagaan.

Ia menunjukkan bahawa sebanyak 16.0% pekerjaan bapa responden adalah dalam sektor kerajaan. Selain itu, seramai 40 orang bapa responden atau 13.1% merupakan peniaga. Dalam sektor swasta pula mencatatkan 12.7% atau 39 orang manakala jumlah tertinggi iaitu sejumlah 58.2% adalah lain-lain pekerjaan yang terdiri daripada petani, nelayan, penoreh getah, pesara, tidak bekerja atau sebagainya.

Di samping itu, jadual tersebut turut menghuraikan berkaitan pekerjaan ibu responden. Jumlah tertinggi menunjukkan sebanyak 80.7% adalah daripada lain-lain pekerjaan. Hal ini demikian kerana kebanyakan ibu responden merupakan suri rumah,

tidak bekerja atau sebagainya. Selain itu, seramai 27 orang atau 8.8% ibu responden merupakan pekerja dalam sektor kerajaan manakala sebanyak 13 orang adalah berkhidmat dalam sektor swasta. Dapatan juga menunjukkan sejumlah 6.2% atau 19 orang ibu responden adalah peniaga. Menyentuh berkaitan ahli keluarga responden yang terlibat dengan bidang perniagaan, didapati majoriti responden tidak memiliki ahli keluarga yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Hanya 83 orang atau 27.1% responden yang memiliki ahli keluarga yang merupakan peniaga, selebihnya iaitu sebanyak 72.9% atau 223 orang tidak memilikinya.

Jadual 4.2:

Latar Belakang Keluarga

Pemboleh ubah	Ciri-ciri	Kekerapan	Peratus
Pekerjaan Bapa	Kerajaan	46	16.0
	Swasta	39	12.7
	Berniaga	40	13.1
	Lain-lain	178	58.2
Pekerjaan Ibu	Kerajaan	27	8.8
	Swasta	13	4.2
	Berniaga	19	6.2
	Lain-Lain	247	80.7
Ahli keluarga Terlibat Perniagaan	Ada	83	27.1
	Tiada	223	72.9

4.3 Analisis Deskriptif

Bagi menjawab persoalan kajian, penyelidik menggunakan ujian statistik deskriptif dalam bahagian ini. Nilai min dan sisihan piawai telah diperolehi bagi menentukan skor responden ke atas kecenderungan keusahawanan pelatih. Jadual 4.3 akan memaparkan dapatan yang diperolehi menerusi hasil kajian ini.

Jadual 4.3:
Statistik Deskriptif

	Kekerapan	Minima	Maksima	Min	Sisihan Piawai
Ciri-ciri					
Keusahwanan	306	2.55	5.00	3.72	0.41
Kursus Latihan Dan Kemahiran	306	1.00	5.00	4.23	0.55
Kecenderungan Keusahawanan	306	2.47	5.00	3.93	0.50
Valid N (listwise)	306				

Jadual 4.3 di atas telah membuktikan bahawa kesemua pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini adalah positif. Dengan bacaan julat min antara 4.23 dan 3.72, dapat disimpulkan bahawa setiap pemboleh ubah yang dinyatakan dalam kajian ini adalah penting terhadap kecenderungan keusahawanan pelatih.

4.4 Faktor Demografi dan Kecenderungan Keusahawanan

Bagi menguji perbezaan di antara kecenderungan keusahawanan dengan tiga dimensi faktor demografi seperti yang dinyatakan dalam hipotesis pertama, ujian-t sampel bebas telah digunakan. Berdasarkan kepada hipotesis pertama, ia terbahagi kepada beberapa hipotesis lain yang dikemukakan iaitu hipotesis 1(a), hipotesis 1(b) dan hipotesis 1(c). Perbincangan lanjut berkaitan ketiga hipotesis ini adalah seperti berikut.

4.4.1 Hipotesis 1

4.4.1.1 Analisis Ujian-T

H1(a): Terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dan kecenderungan keusahawanan

Berdasarkan jadual 4.4, didapati bahawa ujian Levene adalah tidak signifikan ($p > .05$). Andaian kehomogenan varians antara pelatih lelaki dan perempuan dalam kecenderungan keusahawanan telah dipatuhi. Ujian-t sampel bebas adalah signifikan iaitu $t(304) = -0.527$, $p < .05$, (2-tailed) secara statistik. Keputusan kajian ini menerima H1(a) dan menolak $H_01(a)$. Keputusan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan antara jantina dalam kecenderungan keusahawanan. Min perempuan (3.95) adalah lebih tinggi daripada min lelaki (3.92) dalam kecenderungan keusahawanan.

Jadual 4.4:*Ujian-T Sampel Bebas Untuk Perbezaan Antara Jantina Dan Kecenderungan**Keusahawanan*

Statistik Kumpulan						
	Jantina	N	Min	Sisihan		
Piawai						
Kecenderungan	Lelaki	167	3.9206	.50687		
Keusahawanan	Perempuan	139	3.9511	.50208		

	Levene's Test for Equality of Variances		T-test for Equality of Means			
	F	Sig.	t	df	Sig (2-tailed)	Mean Difference
Equal variances assumed	.007	.932	-.527	304	.599	-.03052
Equal variances not assumed			-.527	294.974	.589	-.03052

H1(b): Terdapat perbezaan yang signifikan antara penglibatan ahli keluarga dalam perniagaan dan kecenderungan keusahawanan.

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa ujian Levene adalah signifikan ($p < .05$). Keputusan ini tidak memenuhi andaian kehomogenan varians antara pelatih yang memiliki ahli keluarga peniaga dan pelatih yang tidak memiliki ahli keluarga peniaga. Ujian t-sampel bebas adalah signifikan ($t(304) = -2.633, p < .05$) secara statistik. Keputusan ini menolak $H_0(b)$ dan menerima $H_1(b)$. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan kecenderungan keusahawanan berdasarkan penglibatan ahli keluarga dalam perniagaan. Min pelatih yang tidak memiliki ahli keluarga peniaga lebih tinggi (3.98) berbanding pelatih yang memiliki ahli keluarga peniaga (3.81).

Jadual 4.5:

Ujian-T Sampel Bebas Untuk Perbezaan Antara Penglibatan Ahli Keluarga Dan Kecenderungan Keusahawanan

Statistik Kumpulan				
Piawai	Penglibatan Ahli Keluarga dalam Perniagaan	N	Min	Sisihan
Kecenderungan Keusahawanan	Ada	83	3.8112	.57743
	Tiada	223	3.9803	.46711

	Levene's Test for Equality of Variances		T-Test for Equality of Means			
	F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference
Equal variances Assumed	4.125	.043	-2.633	304	.009	-.16902
Equal variances Not Assumed			-2.391	124.089	.018	-.16902

4.4.1.2 Analisis Varians Satu Hala (One-way ANOVA)

H1(c): Terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman kerja dan kecenderungan keusahawanan

Berdasarkan jadual 4.6, didapati ujian Levene adalah tidak signifikan ($p > .05$). Hal ini menunjukkan bahawa ia memenuhi andaian kehomogenan varians antara pengalaman kerja dan kecenderungan keusahawanan. Ujian ANOVA signifikan ($F_{3,302} = 0.35$, $p > 0.05$) antara pengalaman kerja dengan kecenderungan keusahawanan. Keputusan ini telah menolak H1(c) dan menerima H01. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara pengalaman kerja dan kecenderungan keusahawanan. Tiada perbezaan kecenderungan keusahawanan pelatih yang memiliki pengalaman bekerja dan pelatih yang tidak memiliki pengalaman kerja.

Jadual 4.6:

Ujian Analisis Varians Satu Hala (One-Way ANOVA) Antara Pengalaman Kerja Dan Kecenderungan Keusahawanan

ANOVA					
	Sum of Squares	df	mean Square	F	Sig.
Between Groups	.269	3	.090	.350	.789
Within groups	77.238	302	.256		
Total	77.506	305			

4.5 Analisis Korelasi Pearson

Dalam bahagian ini, penyelidik menggunakan analisis korelasi Pearson bagi menguji hipotesis kedua dan ketiga. Analisis ini digunakan untuk menilai kekuatan dan arah perkaitan antara dua pemboleh ubah. Menurut Cohen (1988), $r = 0.10$ hingga 0.29 menunjukkan perhubungan yang sedikit; $r = 0.30$ hingga 0.49 adalah perhubungan yang sederhana manakala $r = 0.5$ hingga 1.0 menunjukkan hubungan yang kuat.

Berdasarkan jadual 4.7, ciri-ciri keusahawanan dan kursus latihan dan kemahiran berhubung secara signifikan dan positif dengan kecenderungan keusahawanan. Analisis korelasi ini menunjukkan bahawa bacaan julat bagi ciri-ciri keusahawanan dan kursus latihan masing-masing adalah 0.418 dan 0.507 . Merujuk kepada tafsiran nilai pekali oleh Cohen (1988), pemboleh ubah kursus latihan dan kemahiran memiliki hubungan dengan pekali korelasi yang sangat kuat manakala pemboleh ubah ciri-ciri keusahawanan memiliki hubungan yang sederhana.

Jadual 4.7:
Keputusan Korelasi Pearson

		Ciri-ciri	Kursus Latihan	Kecenderungan
		Keusahawanan	Keusahawanan	dan Kemahiran
Ciri-ciri Keusahawanan	Pearson	1	.206**	.418**
	Correlation			
	Sig.(2-tailed)		.000	.000
	N	306	306	306
Kursus latihan Dan Kemahiran	Pearson	.206**	1	.507**
	Correlation			
	Sig.(2-tailed)	.000		.000
	N	306	306	306
Kecenderungan Keusahawanan	Pearson	.418**	.507**	1
	Correlation			
	Sig.(2-tailed)	.000	.000	
	N	306	306	306

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

4.6 Hipotesis 2

H2: Terdapat perhubungan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah

Hasil daripada ujian korelasi dalam Jadual 4.8, didapati bahawa ciri-ciri keusahawanan mempunyai hubungan yang signifikan ($P = 0.000$, $p < 0.01$) dengan kecenderungan keusahawanan. Hubungan positif yang berdasarkan kepada nilai pekali korelasi ($r = 0.418$) ini menunjukkan hubungan yang sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah. Hal ini menunjukkan bahawa semakin tinggi skor ciri-ciri keusahawanan, semakin meningkat tahap kecenderungan keusahawanan. Begitu juga sebaliknya jika skor ciri-ciri

keusahawanan menurun maka kecenderungan keusahawanan juga menurun. Oleh itu, kajian ini menerima H2 dan menolak H02 kerana wujudnya hubungan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan.

Jadual 4.8:

Hubungan Antara Ciri-Ciri Keusahawanan Dan Kecenderungan Keusahawanan

Pemboleh Ubah Bersandar Signifikan	Dimensi	Pekali (R)	Korelasi (P)
Kecenderungan Keusahawanan	Ciri-Ciri Keusahawanan	0.418**	0.000

4.7 Hipotesis 3

H3: Terdapat perhubungan yang signifikan antara kursus latihan dan kemahiran dan kecenderungan keusahawanan

Jadual 4.9 menunjukkan bahawa kursus latihan dan kemahiran mencatatkan nilai yang signifikan iaitu ($p = 0.000$, $p < 0.01$). Hubungan signifikan yang terhasil di antara kedua-dua pemboleh ubah ini telah menunjukkan korelasi yang positif dan perhubungan yang kuat. Hal ini demikian kerana nilai pekali korelasi adalah ($r = 0.507$). Hubungan yang positif dan signifikan ini menunjukkan bahawa seandainya skor kursus latihan dan kemahiran meningkat, kecenderungan keusahawanan juga turut meningkat. Namun demikian jika skor kursus latihan dan kemahiran menurun, maka kecenderungan

keusahawanan juga akan menurun. Kesimpulannya, H3 telah diterima dalam kajian ini, namun H03 ditolak memandangkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara kursus latihan dan kemahiran dan kecenderungan keusahawanan.

Jadual 4.9:

Hubungan Antara Kursus Latihan Dan Kemahiran Dan Kecenderungan Keusahawanan

Pemboleh Ubah Bersandar Signifikan	Dimensi	Pekali (R)	Korelasi (P)
Kecenderungan Keusahawanan	Kursus Latihan Dan Kemahiran	.507**	0.000

4.8 Analisis Regresi

Bagi mengkaji hipotesis keempat, analisis regrasi akan digunakan dalam kajian ini. Menurut Jamal et. al. (2010), dalam analisis regrasi mudah, pemboleh ubah tidak bersandar digunakan untuk menganggarkan pemboleh ubah bersandar. Hubungan antara setiap pemboleh ubah adalah linear dan kedua-dua pemboleh ubah sekurang-kurangnya pada skala selang (*interval*). Kaedah kuasa dua terkecil (OLS) kerap digunakan untuk menentukan persamaan.

4.9 Hipotesis 4

H4: Ciri-ciri keusahawanan dan kursus latihan dan kemahiran mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

Jadual 4.10 menerangkan keputusan yang diperolehi daripada analisis regresi. Merujuk kepada analisis varian daripada jadual ANOVA, kedua-dua pemboleh ubah tidak bersandar dapat menjelaskan 36% variasi dalam kecenderungan keusahawanan. Nilai $F = 85.79$ menunjukkan tahap signifikan yang tinggi. Bagi menentukan hubungan antara pemboleh ubah, ia dapat dirumuskan bahawa kedua-dua pemboleh ubah menunjukkan hubungan yang signifikan iaitu nilai $p = 0.00 < 0.05$.

Walau bagaimanapun, kursus latihan dan kemahiran menunjukkan pengaruh yang lebih kuat terhadap kecenderungan keusahawanan jika dibandingkan dengan ciri-ciri keusahawanan dengan nilai $\beta = 0.40$ bagi kursus latihan dan kemahiran manakala nilai $\beta = 0.39$ bagi ciri-ciri keusahawanan.

Beta menerangkan tahap kekuatan pengaruh pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Sekiranya Beta adalah 1, bermaksud pembolehubah tidak bersandar mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pembolehubah bersandar.

Jadual 4.10:

Analisis Regresi di antara ciri-ciri keusahawanan dan kursus latihan dan kemahiran dengan Kecenderungan Keusahawanan

Coefficient^a

Unstandardized Coefficient

Model		B	Std. Error	Sig
1	(Constant)	.757	.251	0.03
	Ciri-ciri keusahawanan	.398	.057	0.00
	Kursus latihan dan kemahiran	.400	.043	0.00

^a Pembolehubah bersandar: Kecenderungan Keusahawanan

Adj. R Square: 0.36

ANOVA: F = 85.08 (p<0.05)

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan berkaitan dapatan-dapatan yang diperolehi menerusi kajian yang telah dilakukan. Selain itu, penyelidik turut melontarkan beberapa cadangan kepada organisasi dan kajian yang akan dijalankan pada masa akan datang. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelatih Giat Mara di negeri Kedah.

5.1 Perbincangan

Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada objektif-objektif khusus yang telah dinyatakan dalam bab satu. Oleh itu, perbincangan akan diteruskan dengan menyentuh beberapa sub topik berkenaan keputusan dan dapatan yang diperolehi daripada kajian ini. Objektif-objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji adakah terdapat perbezaan di antara profil demografi dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.
- a) Mengkaji adakah terdapat perbezaan antara jantina dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

- b) Mengkaji adakah terdapat perbezaan antara penglibatan ahli keluarga dengan bidang perniagaan dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.
 - c) Mengkaji adakah terdapat perbezaan antara pengalaman kerja dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.
-
- ii. Mengenal pasti adakah terdapat perhubungan yang signifikan di antara ciri-ciri keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.
 - iii. Mengenal pasti adakah terdapat perhubungan yang signifikan di antara kursus latihan dan kemahiran dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.
 - iv. Mengkaji sama ada ciri-ciri keusahawanan dan kursus latihan dan kemahiran mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

5.1.1 Perbincangan Objektif Pertama

Objektif utama dalam kajian ini adalah bertujuan mengkaji sama ada terdapatnya perbezaan antara profil demografi (jantina, penglibatan ahli keluarga dalam perniagaan dan pengalaman kerja) dan kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah. Beberapa kaedah analisis yang digunakan bagi mengkaji perhubungan antara pemboleh ubah yang terlibat. Bagi menguji perbezaan jantina dan penglibatan ahli keluarga dalam perniagaan, Ujian-t Sampel Bebas telah digunakan manakala Analisis Varians Satu Hala (*One Way ANOVA*) digunakan untuk menguji perbezaan dari segi pengalaman kerja.

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dan penglibatan ahli keluarga dalam perniagaan terhadap kecenderungan keusahawanan. Hal ini membuktikan bahawa kedua-dua faktor demografi ini adalah tidak setara dalam menentukan tahap kecenderungan keusahawanan para pelatih Giat Mara Negeri Kedah. Namun begitu, keputusan Analisis Varians Satu Hala menunjukkan tiada perbezaan yang wujud di antara pengalaman kerja dan kecenderungan keusahawanan pelatih-pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

5.1.2 Perbincangan Objektif Kedua

Objektif kedua yang dicadangkan di dalam kajian ini adalah mengenal pasti perhubungan antara ciri-ciri keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan pelatih. Bagi menguji perhubungan di antara kedua-dua pemboleh ubah ini, penyelidik memilih analisis Korelasi *Pearson*. Keputusan analisis menunjukkan bahawa wujudnya perhubungan yang signifikan dan positif ($r = 0.418$) di antara ciri-ciri keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan para pelatih Giat Mara Negeri Kedah. Hal ini membuktikan bahawa ciri-ciri keusahawanan yang tinggi mampu mempengaruhi kecenderungan untuk menceburi bidang keusahawanan. Hasil kajian ini mengukuhkan lagi dapatan-dapatan kajian terdahulu seperti Wan Syukry (2004), Taramisi (2009) dan Hasniza (2011).

5.1.3 Perbincangan Objektif Ketiga

Objektif ketiga dalam penyelidikan ini adalah bagi mengenal pasti hubungan antara kursus latihan dan kemahiran terhadap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelatih Giat Mara di Negeri Kedah. Merujuk kepada dapatan yang diperolehi, penyelidik mendapati bahawa nilai pekali yang dicapai adalah positif ($r = 0.507$). Hubungan yang signifikan di antara kursus latihan dan kemahiran dan kecenderungan keusahawanan

adalah kuat dan saling berhubung di antara kedua-duanya. Hal ini menunjukkan bahawa sekiranya skor kursus latihan dan kemahiran meningkat, maka skor kecenderungan keusahawanan juga akan meningkat. Namun demikian, skor kecenderungan keusahawanan akan menurun jika skor kursus latihan dan kemahiran menurun. Hasil kajian ini adalah sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Iskandarini (2011) yang berpendapat bahawa kemahiran merupakan suatu elemen yang mempengaruhi niat keusahawanan. Berdasarkan kajiannya ke atas pelajar Universiti Sumatera Utara telah menunjukkan bahawa kekurangan dari segi kemahiran menjadi halangan untuk para pelajar menceburi bidang keusahawanan.

5.1.4 Perbincangan Objektif Keempat

Objektif terakhir dalam kajian ini adalah untuk mengkaji sama ada ciri-ciri keusahawanan dan kursus latihan dan kemahiran mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelatih Giat Mara Negeri Kedah. Berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi, penyelidik mendapati bahawa kedua-dua pemboleh ubah tidak bersandar mempunyai pengaruh ke atas kecenderungan keusahawanan dengan nilai $p = 0.000 < 0.05$. Di samping itu, kursus latihan dan kemahiran menunjukkan pengaruh yang lebih kuat berbanding ciri-ciri keusahawanan. Hal ini menggambarkan bahawa melalui kursus latihan kemahiran yang dipelajari oleh pelatih, ia menyumbangkan kepada keinginan dan tarikan terhadap bidang keusahawanan.

5.2 Cadangan kepada Organisasi

Pada dasarnya, tahap kecenderungan untuk menjadi seorang usahawan boleh ditingkatkan dengan menyediakan persekitaran keusahawanan yang baik dan galakan serta sokongan yang konsisten. Oleh itu, penyelidik mengutarakan beberapa cadangan dan inisiatif-inisiatif baru seperti berikut.

5.2.1 Mewujudkan Kursus Keusahawanan

Secara amnya, Giat Mara merupakan sebuah institusi yang menyediakan program pembelajaran yang berorientasikan kursus-kursus kemahiran. Namun demikian, tiada kursus keusahawanan yang ditawarkan dalam modul pembelajaran. Pendek kata, para pelatih hanya dibekalkan dengan ilmu berkaitan kemahiran, tetapi tidak didedahkan dengan pengetahuan dan bimbingan tentang keusahawanan. Dalam konteks ini, pendedahan tentang keusahawanan yang dimaksudkan adalah seperti aspek pembangunan produk, kawalan mutu, pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, pemasaran dan sebagainya. Aspek-aspek ini sangat penting pada fasa awal pembangunan sesebuah perniagaan bagi bakal usahawan. Oleh itu, penambahbaikan program dari segi mewujudkan kursus keusahawanan harus dilakukan agar pelatih yang berjaya dilahirkan daripada Giat Mara memiliki pakej lengkap sama ada dalam aspek kemahiran mahupun ilmu berkaitan keusahawanan.

5.2.2 Memperkenalkan Usahawan Berjaya Sebagai Pendorong

Bagi menggalakkan para pelatih agar cenderung terhadap kerjaya keusahawanan, pihak Giat Mara perlu memperkenalkan bekas-bekas pelatih Giat Mara yang telah menjadi usahawan berjaya. Publisiti yang lebih luas harus diberikan kepada golongan ini supaya mereka menjadi *role model* kepada para pelatih baru yang sedang menjalani kursus. Perkongsian maklumat berkaitan usaha-usaha yang telah dilakukan, halangan-halangan yang dihadapi, latar belakang bidang perniagaan dan kata-kata nasihat daripada usahawan-usahawan ini boleh menjadi suntikan semangat dan dorongan kepada para pelatih untuk berjinak-jinak dengan aktiviti keusahawanan. Secara mudahnya, pihak Giat Mara boleh memperkenalkan sebuah program *mentor-mentee* kepada pelatih pada penghujung pengajian mereka.

5.2.3 Pemantauan Yang Berterusan

Setelah menjalani kursus selama beberapa bulan, pelatih akan dianugerahkan sijil penghargaan sebagai mengiktiraf kemahiran yang dimiliki. Seterusnya, hala tuju pelatih adalah bergantung kepada mereka sendiri sama ada mengaplikasikan kemahiran yang telah dipelajari ataupun tidak. Justeru, pihak Giat Mara harus mengambil inisiatif dalam fasa ini iaitu memantau hala tuju pelatih setelah tamat kursus. Memberi pendedahan dan ilmu kemahiran yang betul sahaja tidak cukup untuk menjamin para pelatih ini menceburi bidang keusahawanan, namun pemantauan dan bimbingan yang berterusan adalah perlu.

Hal ini juga penting dalam mencapai objektif Giat Mara dan sasaran pihak kerajaan dalam melahirkan lebih ramai usahawan.

5.3 Cadangan Kajian Akan Datang

Bagi kajian yang akan datang, penyelidik mencadangkan agar lebih banyak pemboleh ubah lain diuji. Misalnya, penyelidik seterusnya boleh menambah faktor persekitaran, bantuan kewangan, kemudahan infrastruktur yang disediakan atau sebagainya. Hal ini bagi mengenal pasti sama ada elemen-elemen berikut dapat mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelatih.

Selain itu, penyelidik mencadangkan agar kajian yang lebih luas dan menyeluruh dilakukan. Penyelidik seterusnya boleh melakukan kajian ke atas seluruh pelatih Giat Mara di Malaysia. Di samping itu, kajian yang mengukur perbandingan tahap kecenderungan pelatih mengikut kursus-kursus yang berbeza boleh juga dijalankan.

Dalam pada itu, penyelidik seterusnya boleh menjalankan kajian ke atas bekas pelatih yang telah menjadi usahawan-usahawan yang berjaya. Skop kajian mungkin boleh diperluaskan dengan mengkaji keberkesanan bantuan yang telah diterima, faktor-faktor kejayaan mereka, atau halangan-halangan yang dihadapi.

5.4 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan yang diperoleh daripada kajian ini, suatu rumusan yang dapat dihasilkan ialah hampir keseluruhan objektif dalam kajian telah dicapai. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa profil demografi iaitu jantina dan penglibatan ahli keluarga dalam perniagaan, ciri-ciri keusahawanan dan kursus kemahiran mempengaruhi tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelatih Giat Mara Negeri Kedah.

Daripada keseluruhan keputusan, terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi seseorang itu untuk memilih kerjaya keusahawanan sama ada faktor dalaman atau luaran. Hasil dapatan daripada kajian ini juga boleh digunakan oleh pelbagai pihak seperti Giat Mara, badan kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan penyelidik-penyelidik akan datang sebagai panduan atau rujukan kepada mereka dalam usaha melahirkan bakal usahawan-usahawan berjaya pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Abdullah, S. H., Osman, M. H., & Rahim, M. S. H. (2009). The key concept of academic technology entrepreneurship in the current practice. *Asia Pacific Journal of Innovation and Entrepreneurship*, Korea Business Incubation Association, 2 (1), 77-96.
- Abu Bakar Hamed & Muhammad Shukri Bakar. (2008). Personaliti keusahawanan dan kecenderungan memulakan perniagaan: Perbandingan pelajar Bumiputera dan Bukan Bumiputera di Universiti Utara Malaysia. *Konvensyen Keusahawanan Islam (ICEPS) 14-17 Februari 2008*. USIM, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.
- Ahmed, A.M., Zairi, M. & Almarri, K.S. (2006). Benchmarking: *An International Journal*, 13(1/2), 160-173.
- Allen, K.R. (2003). *Launching new ventures. An entrepreneurial approach* (3rd ed.). US: Houghton Mifflin Company.
- Atherton, A. (2004). Unbundling enterprise and entrepreneurship: From Perceptions and preconceptions to concept and practice. *Entrepreneurship and Innovation*, 5(2), 121-128.
- Auken, H. V., Fry, F.L., & Stephens, P. (2006). The influence of role models on entrepreneurial intentions. *Journal of Developmental Entrepreneurship*, 11 (2), 157-167.
- Baharu Kemat, Mohammed Zain & Nita Edama. (2011). Entrepreneurial intention: An empirical study of Community College students in Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 14, 45-58.
- Bandura, A. (1977). Self-Efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191-215.

- Bawani, K. (2012). *A study of motivation factors among Indian entrepreneurs in Klang Valley*. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Berita Harian Online. (29 Mac 2011). *Syarat baru tabung usahawan diperkenalkan*. Diakses 2 Mac 2014, daripada <http://www.bharian.com.my/articles/Syaratbarutabungusahawandiperkenal/Article/>
- Berita Harian. (11 Oktober 2013). *IMET latih usahawan muda berdaya saing*. Diakses 17 Mac 2014, daripada http://www.bharian.com.my/bharian/articles/1METlatihusahawanmudaberdayasaing/Article/index_html
- BERNAMA. (25 Oktober 2013). *Bantuan dan insentif kepada usahawan dalam Bajet 2014 tingkatan PKS dan ekonomi negara : MAPEM*. Diakses 18 Mac 2014, daripada <http://web10.bernama.com/budget2014/index.php?lang=my&sid=newsdetail&id=988640>
- Belly, R. R. (1993). Task role motivation and attribution style as predictors of entrepreneurial performance: Female sample findings. *Entrepreneurship and Regional Development*, 5(4), 331-341.
- Bird, B. (1988), Implementing entrepreneurial ideas: the case for intention. *Academy of Management Review*, 13(3), 442-454.
- Bird, B. & Jelinek, M. (1988). The operation of entrepreneurial intentions. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 17(1), 21-29.
- Bruyat, C. & Julien, P.A. (2001). Defining the field of research in entrepreneurship. *Journal of Business Venturing*, 16(2), 165-180.
- Burch, J.G. (1986). *Entrepreneurship*. New York: John Wiley & Sons.
- Bygrave, W. D. (1989). The entrepreneurship paradigm: A philosophical look at research methodologies. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 14(1), 7-26.

- Bygrave, W.D. (1997). *The entrepreneurial process. The portable MBA in Entrepreneurship, 2nd Edition*: 1-26. New York: John Wiley and sons.
- Byrd, J., & Brown, P.L. (2003). *The innovation equation: Building creativity and risk taking in your organization*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Cantillon, R. (1959). *Essay on the Nature of Trade in General*. (H. Higgs, Trans.). London: Frank Cass & Co., Ltd. (Original work published 1755).
- Carland, J.W. Jr. (1992). *Entrepreneurship in a small business setting: An Exploratory Study*. PhD Thesis. University of Georgia.
- Chen, C. C., Greene, P. G. & Crick, A. (1998). Does entrepreneurial self-efficacy distinguish entrepreneurs from managers? *Journal of Business Venturing*, 13(4), 295-316.
- Chien, D.J., Liang, T.W. & Soon, C.T. (1996). Entrepreneurship Inclination of Singapore Business Students. *Journal of Enterprising Culture*, 4(2), 209-223.
- Choo, S. & Wong, M. (2006). Entrepreneurial Intention: Triggers and Barriers to New Venture Creations in Singapore. *Singapore Management Review*, 28 (2), 47-64.
- Cole, A. H. (1969). Definition of entrepreneurship. In J. C. Komives (Eds.), *Karl A. Bostrum Seminar in the Study of Enterprise* (pp. 10-22). Milwaukee: Centre for Venture Management.
- Colquitt, J.A., LePine, J.A., & Wesson, M.J. (2009). *Organizational behavior: Improving Performance and Commitment in the Workplace*. Boston: McGraw-Hill/Irwin.
- Cools, E., & Van den Broeck, H. (2007). The hunt for the heffalump continues: Can trait and cognitive characteristics predict entrepreneurial orientation? *Journal of Small Business Strategy*, 18(2), 23-41.
- Cooper, D.R. & Schindler, P.S. (2007). *Business Research Method: 9th edition*. New York: McGraw Hill.

- Crant, J.M. (1996). The proactive personality scale as a predictor of entrepreneurial intentions. *Journal of Applied Psychology*, 84(3), 416-427.
- Cromie, S. (2000). Assessing entrepreneurial inclination: Some approaches and empirical evidence. *European Journal of Work and Organizational Psychology*, 9(1), 7-30.
- Daim Zainuddin. (4 Januari 1994). Siswazah Perlu Cipta Kerja. *Utusan Malaysia*, pp. 2.
- Davidsson, P. (1995). Determinants of Entrepreneurial Intentions. *Working Paper presented at RENT IX Workshop, Piacenza, Italy*, November 23-24, 1995.
- De Pillis, E. & Reardon, K.K. (2007). The influence of personality traits and persuasive messages on entrepreneurial intention: A cross-cultural comparison. *Career Development International*, 12(4), 382-396.
- Dolingger, M. J. (1999). *Entrepreneurship: Strategies and Resources*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall.
- Douglas, E.J., & Shepherd, D.A. (2002). Self-Employment as a Career Choice: Attitudes, Entrepreneurial Intentions, and Utility Maximization. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 81-90.
- Drennan, J., Kennedy, J. and Renfrow, P. (2005). Impact of childhood experiences on the development of entrepreneurial intentions. *International Journal of Entrepreneurship and Innovation*, 6(4), 231-238. Diakses daripada <http://espace.uq.edu.au/eserv/UQ:74978/EntrepreneurshipArticle.IJE.05.pdf>
- Duygulu, E. (2008). Institutional profiles and entrepreneurship orientation: A case of Turkish graduate students. *Munich Personal RePEc Archive Paper*, 7247. Diakses 10 Mac 2014, daripada <http://mpra.ub.uni-muenchen.de/7247/>
- Ekpe, Isidore. (2011). *Women entrepreneurs' performance: Microfinance factors with mediating effect of opportunity and moderating effect of attitude*. Universiti Utara Malaysia, Sintok.

- Entrialgo, M., Fernandez, E. and Vazquez, C. (2000). "Characteristics of managers as determinants of entrepreneurial orientation: Some Spanish evidence". *Enterprise and Innovation Management Studies*, Vol. 1 No. 2, pp. 187-205.
- Fayolle, A. (2007). *Entrepreneurship and new value creation: The dynamic of the entrepreneurial process*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Feist, J. and Feist, G.J. (2009). *Theories of personality* (7th ed.). Boston: McGraw-Hill.
- Finn, D. (1987). *Training without jobs*. London: MacMillan.
- Gartner, W.B. (1985). A conceptual framework for describing the phenomenon of new venture creation. *Academy of Management Review*, 10(4), 27-37.
- Gartner, W.B., Mitchell, T. R. & Vesper, K.H. (1989). A taxonomy of new business ventures. *Journal of Business Venturing*, 4, 169-186.
- Gartner, W. B. & Vesper, K. H. (1994). Executive forum: Experiments in entrepreneurship education: success and failures. *Journal of Business Venturing*, 9(3), 179-187.
- Gibb, A.A. (2002). "In pursuit of a new 'enterprise' and 'entrepreneurship' paradigm for learning: Creative destruction, new values, new ways of doing things and new combinations of knowledge". *International Journal of Management Review*, Vol.4 No. 3, pp. 233-69.
- Gravetter, F.J., & Wallnau, L.B. (1985). *Statistical for the behavior science: A first course for students of psychology and education*. St. Paul: West Pub. Co.
- Greenbank, P. & Hepworth, S. (2008). Improving the career decision-making Behavior of working class students: Do economics barriers stand in the way? *Journal of European Industrial Training*, 32(7), 492-509.
- Gupta, V., MacMillan, I. C., & Surie, G. (2004). Entrepreneurial leadership: Developing and measuring a cross-cultural construct. *Journal of Business Venturing*, 19(2), 241-260.

- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Tatham, R. L. (2010). *Multivariate data analysis* (6th Ed). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education International.
- Hair, J. F., Money, a. H., Samouel, P., Page, M. (2007). *Research methods for business*. Chrichester, England: John Wiley & Sons Ltd.
- Hansemark, O.C. (2003). Need for achievement, locus of control and the prediction of business start-ups: A longitudinal study. *Journal of Economic Psychology*, 24(3), 301-319.
- Hapzarizal, M.N. (2012). *Kajian Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pesara Tentera*. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Harry, M. (2005). VIEWPOINT Researching entrepreneurship and education Part 1: What is entrepreneurship and does it matter? *Education Training*, 47(8/9), pp. 665-677.
- Hasniza Hafidzin. (2011). *Kajian terhadap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar jurusan perdagangan SMK Seksyen 24(2) Shah Alam Selangor*. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Henderson, R. & Robertson, M. (2000). Who wants to be an entrepreneur? Young Adult attitudes to entrepreneurship as a career. *Career Development International*, 5(6), 27-28.
- Hian, H. C. (1996). Testing hypotheses of entrepreneurship characteristic. *Journal of Management Psychology*, 11(3), 12-15.
- Hisrich, R.D. & Brush, C.G. (1986). *The women entrepreneur*. Lexington, MA: Lexington Books.
- Hisrich, R.D., & Peters, M.P. (2002). *Entrepreneurship* (5th ed.). US: McGraw Hill
- Hisrich R. D., Peters M. P. & Shepherd D. A. (2008). *Entrepreneurship* (7th ed.). New York: McGraw Hill

- Iskandarini. (2011). *Kesan pendidikan keusahawanan dan halangan keusahawanan terhadap niat keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar pendidikan tinggi*. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Ismail Sabri. (16 Januari 2009). Tiada pilih kasih bantu belia berniaga. *Utusan Online*. Diakses 23 Mac 2014, daripada http://ww2.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=pilihanraya2008&y=2009&dt=0116&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_02.htm
- Jackson, T. & Vitberg, A.K. (1987). Career Development, Part 1: Careers and Entrepreneurship. *Personnel*, 64(2).
- Jamal Ali, Fauzi Hussin, & Mohamad Zamzuri. (2010). *Kaedah penyelidikan dengan SPSS*. Sintok, Kedah.
- Jung, D.L., Ehrlich, S.B., De Noble, A.E., & Baik, K.B. (2001). Entrepreneurial self-efficacy and its relationship to entrepreneurial action: A comparative study between the US and Korea. *Management International*, 6(1), 41-53.
- Kalafatis, S.P., Pollard, M., East, R. & Tsogas, M.H. (1999). Green marketing and Ajzen's theory of planned behavior: A cross-market examination. *Journal of Consumer Marketing*, 16(5), 441-460.
- Kamus Dewan* (4th ed.).(2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
